



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS HADIS-HADIS DALAM CERAMAH ISRAK MIKRAJ DI INSTITUSI MASJID NEGERI MELAKA

MOHAMMAD NAJIB BIN MD NORANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\checkmark)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|                                     |
|-------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/>            |
| <input type="checkbox"/>            |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...10...(hari bulan) NOVEMBER (bulan) 2020...

### i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMMAD NAJIB BIN MD NORANI, M20162001680, FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS HADIS-HADIS DALAM CERAMAH ISRAK DAN MIKRAJ DI INSTITUSI MASJID NEGERI MELAKA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



---

Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. WAHYU HIDAYAT BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS HADIS-HADIS DALAM CERAMAH ISRAK DAN MIKRAJ DI INSTITUSI MASJID NEGERI MELAKA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (USULUDDIN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

---

10/11/2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS HADIS-HADIS DALAM CERAMAH ISRAK DAN MIKRAJ  
DI INSTITUSI MASJID NEGERI MELAKA

No. Matrik / Matric's No.: M20162001680

Saya / I: MOHAMMAD NAJIB BIN MD NORANI  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

---

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

---

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10/11/2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga baginda dan para sahabat RA. Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin kurniaNya tesis ini telah berjaya disempurnakan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada yang dihormati Dr. Wahyu Hidayat Abdullah-penelia tesis yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan dan seliaan selama proses pengkaji menyiapkan tesis ini. Semoga jasa, usaha dan kesabaran beliau mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah SWT. Setinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan individu-individu yang telah memberi kerjasama bagi menyiapkan tesis ini. Sekalung budi ditujukan ibuku Kamariah Abd. Latif dan Allahyarham bapaku Md Norani Abd. Rahman, ibu mertuaku Zahara Mat Husin, Allahyarham adikku Mohammad Fikri dan keluargaku yang sentiasa memberi sokongan, dorongan dan doa. Teristimewa buat isteriku tercinta Rubaiyah Ahmad dan anak-anakku tersayang Muhammad Najihin, Muhammad Rifqi, Muhammad Najhan dan Muhammad Rafiq yang sentiasa berada disisi memberi semangat dan dorongan. Semoga usaha yang kecil ini dapat meraih keredhaan Allah SWT.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj di institusi masjid negeri Melaka. Sebanyak 31 buah hadis dikenalpasti digunakan dalam dua belas sesi ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan. Pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sumber dan kedudukan hukum berdasarkan kaedah *Takhrij al-Hadith* dan *al-Hukm 'Ala al-Hadith*. Rangkaian perawi, komentar para ulama terhadap rangkaian tersebut dan komentar para ulama *al-nuqqād* terhadap perawi-perawinya pula dianalisis menggunakan kaedah *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat sebanyak 14 buah hadis bersamaan 45% yang digunakan dalam ceramah Israk Mikraj bertaraf *sahih*. Hadis bertaraf *hasan* pula hanya satu iaitu mewakili 3%. Tujuh buah hadis dhaif iaitu 23% dan 3 buah hadis bertaraf palsu (*maudhu'*) iaitu 10%. Manakala hadis yang tidak diketahui sumber pula sebanyak 6 buah bersamaan 19%. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa para penceramah Israk dan Mikraj tidak menggunakan metodologi tertentu dalam ceramah mereka. Kesimpulannya, terdapat kepelbagaian status dan kedudukan hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj telah digunakan. Kepelbagaian sumber rujukan merupakan salah satu kriteria dalam nilai sesebuah hadis yang digunakan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kebanyakan hadis yang digunakan dalam sesi ceramah memberikan pengaruh yang besar dalam kefahaman beragama dalam kalangan umat Islam khususnya mereka yang mengikuti pengajian keagamaan di masjid. Kajian mencadangkan agar pembentukan badan khusus dalam menapis serta menilai kebanyakan hadis yang digunakan khususnya dalam peristiwa penting dalam agama Islam. Ia sekaligus dapat memartabatkan hadis sebagai sumber Islam kedua yang perlu dipelihara sepanjang masa.

Tandatangan Dekan/ Timbalan Dekan  
Penyelia

Tandatangan





## ANALYSIS OF THE HADITHS USED IN ISRAK AND MIKRAJ TALKS AT MALACCA STATE'S MOSQUE INSTITUTION

### ABSTRACT

This study aimed to analyzes the hadiths used in Israk and Mikraj talks in Malacca state's mosque institution. A total of 31 hadiths were identified to have been used in twelve Israk and Mikraj talk sessions conducted. A qualitative approach through document analysis method was used to obtain information related to the source and legal position based on the method of *Takhrij al-Hadith* and *al-Hukm 'Ala al-Hadith*. The series of narrators, scholars' views on the series and *al-nuqqād* scholars' comments on the narrators were also analyzed using the method of *al-Jarhwa al-Ta'dil* (Criticism and Praise). The results of the study showed that a total of 14 hadiths, which were equivalent to 45%, used in the Israk and Mikraj talks were authentic. The hadiths with the *hasan* (good) status were only one, representing 3%. Seven hadiths were *dhaif* (weak), which were 23% and three hadiths were fabricated (*maudhu'*), which were 10%. While the hadith of unknown sources accounted for a total of 6 pieces, which were equivalent to 19%. The findings of the study also showed that the speakers of Israk and Mikraj did not use specific methodologies in their talks. In conclusion, there were hadiths with a variety of statuses and positions in the Israk and Mikraj talks that had been used. Diversity of reference sources was one of the criteria in the value of the hadiths used. The implications of the study showed that most of the hadiths used in the talk sessions have a great influence on religious understanding among Muslims, especially those who attend religious studies in mosque. This study suggests a special body to be formed for the purposes of filtering and evaluating the hadiths that are being used, especially for important Islamic events. At the same time, this can elevate hadiths as the second source of reference in Islam that needs to be preserved at all times.

Tandatangan Dekan/Timbalan Dekan

Penyelia





## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

|             |     |
|-------------|-----|
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK     | iv  |
| ABSTRACT    | v   |
| KANDUNGAN   | vi  |

|              |                   |   |
|--------------|-------------------|---|
| <b>BAB 1</b> | <b>PENGENALAN</b> | 1 |
|--------------|-------------------|---|

|     |             |   |
|-----|-------------|---|
| 1.0 | Pendahuluan | 1 |
|-----|-------------|---|

|     |                |   |
|-----|----------------|---|
| 1.1 | Latar Belakang | 4 |
|-----|----------------|---|

|     |                         |   |
|-----|-------------------------|---|
| 1.2 | Definisi Operasi Kajian | 7 |
|-----|-------------------------|---|

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 11 |
|-----|--------------------|----|

|     |                  |    |
|-----|------------------|----|
| 1.4 | Persoalan Kajian | 15 |
|-----|------------------|----|

|     |                 |    |
|-----|-----------------|----|
| 1.5 | Objektif Kajian | 15 |
|-----|-----------------|----|

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 16 |
|-----|--------------------|----|

|     |                |    |
|-----|----------------|----|
| 1.7 | Batasan Kajian | 17 |
|-----|----------------|----|

|     |              |    |
|-----|--------------|----|
| 1.8 | Kajian Lepas | 20 |
|-----|--------------|----|

|       |                                     |
|-------|-------------------------------------|
| 1.8.1 | Kajian Pengajian Agama Di Institusi |
|-------|-------------------------------------|

|  |                    |    |
|--|--------------------|----|
|  | Masjid Di Malaysia | 20 |
|--|--------------------|----|

|       |                                     |
|-------|-------------------------------------|
| 1.8.2 | Kajian Perkembangan Pengajian Hadis |
|-------|-------------------------------------|

|  |             |    |
|--|-------------|----|
|  | Di Malaysia | 25 |
|--|-------------|----|

|       |                                     |
|-------|-------------------------------------|
| 1.8.3 | Kajian Pengajian Hadis Di Institusi |
|-------|-------------------------------------|

|  |                    |    |
|--|--------------------|----|
|  | Masjid Di Malaysia | 29 |
|--|--------------------|----|





|                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| 1.8.4 Kajian Status Kedudukan Hadis | 34 |
|-------------------------------------|----|

|  |    |
|--|----|
| 1.8.5 Kajian Hadith Tentang Israk Mikraj | 37 |
|--|----|

|                       |    |
|-----------------------|----|
| 1.9 Metodologi Kajian | 42 |
|-----------------------|----|

|                          |    |
|--------------------------|----|
| 1.9.1 Reka Bentuk Kajian | 43 |
|--------------------------|----|

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| 1.9.2 Skop Dan Limitasi Kajian | 43 |
|--------------------------------|----|

|              |    |
|--------------|----|
| 1.9.3 Sampel | 44 |
|--------------|----|

|                |    |
|----------------|----|
| 1.9.4 Populasi | 45 |
|----------------|----|

|   |    |
|---|----|
| 1.9.5 Pemilihan Persampelan Rawak Berlapis<br>(Sampel Rawak Tidak Mengikut Kadar) | 47 |
|---|----|

|  |    |
|--|----|
| 1.9.6 Carta Sampel Masjid-Masjid Yang Dipilih<br>Secara Rawak Berlapis | 50 |
|--|----|



|                              |    |
|------------------------------|----|
| 1.10 Metode Pengumpulan Data | 51 |
|------------------------------|----|

|                        |    |
|------------------------|----|
| 1.10.1 Kaedah Lapangan | 51 |
|------------------------|----|

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 1.10.2 Pemerhatian Ikut Serta | 53 |
|-------------------------------|----|

|                  |    |
|------------------|----|
| 1.10.3 Temu bual | 54 |
|------------------|----|

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 1.10.4 Kaedah Perpustakaan | 57 |
|----------------------------|----|

|                                 |    |
|---------------------------------|----|
| 1.10.5 Kaedah Menganalisis Data | 59 |
|---------------------------------|----|

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 1.10.5.1 Analisis Induktif | 59 |
|----------------------------|----|

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 1.10.5.2 Analisis Deduktif | 60 |
|----------------------------|----|

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| 1.10.5.3 Analisis Kandungan | 62 |
|-----------------------------|----|

|                              |    |
|------------------------------|----|
| 1.10.5.4 Analisis Komperatif | 52 |
|------------------------------|----|

|                 |    |
|-----------------|----|
| 1.11 Kesimpulan | 65 |
|-----------------|----|



## **BAB 2 POLA PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI PENGAJIAN KEAGAMAAN MASJID-MASJID**

|  |           |
|--|-----------|
| <b>DI NEGERI MELAKA</b>                                      | <b>66</b> |
| 2.0 Pengenalan   | 66        |
| 2.1 Sorotan Perkembangan Aktiviti Pengajian                  |           |
| Keagamaan Di Zaman Rasulullah SAW                            | 66        |
| 2.2 Sejarah Ringkas Perkembangan Pengajian                   |           |
| Keagamaan Di Melaka  | 68        |
| 2.3 Aktiviti Pengajian Keagamaan Di Masjid-Masjid            |           |
| Sekitar Negeri Melaka  | 72        |
| 2.3.1 Jumlah Masjid Berdasarkan Daerah Di Negeri Melaka      | 73        |
| 2.3.1.1 Kategori-Kategori Masjid Di Negeri Melaka            | 74        |
| 2.3.1.2 Taburan Masjid Berdasarkan Parlimen Di Negeri Melaka | 75        |
| 2.3.1.3 Taburan Dan Bilangan Masjid Di Parlimen Masjid Tanah | 77        |
| 2.3.1.4 Taburan dan Bilangan Masjid Di Parlimen Alor Gajah   | 78        |
| 2.3.1.5 Taburan dan Bilangan Masjid di Parlimen Tangga Batu  | 79        |
| 2.3.1.6 Taburan dan Bilangan Masjid di Parlimen Bukit Katil  | 80        |
| 2.3.1.7 Taburan dan Bilangan Masjid di Parlimen Kota Melaka  | 82        |



### 2.3.1.8 Taburan dan Bilangan Masjid

di Parlimen Jasin

83

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 2.4   | Jenis-Jenis Aktiviti Kuliah Agama Di Masjid                        |    |
|       | -Masjid Negeri Melaka  | 84 |
| 2.4.1 | Kuliah Subuh   | 85 |
| 2.4.2 | Kuliah Dhuha   | 85 |
| 2.4.3 | Kuliah Zohor   | 86 |
| 2.4.4 | Kuliah Maghrib   | 86 |
| 2.4.5 | Kuliah Takmir  | 86 |
| 2.4.6 | Kuliah Bulanan   | 88 |
| 2.4.7 | Ceramah Umum Hari Kebesaran Islam                                  | 88 |
| 2.5   | Pembahagian Aktiviti Masjid-Masjid Di Negeri Melaka                | 89 |
| 2.5.1 | Aktiviti Pengajian Agama di Masjid                                 |    |
|       | -Masjid Dalam Daerah Alor Gajah                                    | 90 |
| 2.5.2 | Aktiviti Pengajian Agama di Masjid                                 |    |
|       | -Masjid Dalam Daerah Melaka Tengah                                 | 92 |
| 2.5.3 | Aktiviti Pengajian Agama di Masjid                                 |    |
|       | -Masjid Dalam Daerah Jasin   | 93 |
| 2.6   | Aktiviti Hari Kebesaran Islam Di Institusi Masjid Di Negeri Melaka | 94 |
| 2.6.1 | Sambutan Israk dan Mikraj  | 95 |
| 2.6.2 | Sambutan Awal Ramadhan   | 97 |
| 2.6.3 | Sambutan Nuzul Al-Quran  | 98 |
| 2.6.4 | Sambutan Awal Muharram/ Maal Hijrah                                | 99 |





|                               |     |
|-------------------------------|-----|
| 2.6.5 Sambutan Maulidur Rasul | 100 |
|-------------------------------|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 2.7 Sambutan Ceramah Israk dan Mikraj Di Masjid<br>-Masjid Di Negeri Melaka | 101 |
| 2.8 Penggunaan Dalil Hadis Dalam Ceramah Israk<br>Mikraj Di Negeri Melaka   | 102 |
| 2.9 Senarai Hadis-Hadis Yang Telah Dikenalpasti                             | 104 |

### **BAB 3      Analisis Takhrij Hadis Dalam Ceramah Israk Mikraj**

|                                |     |
|--------------------------------|-----|
| <b>Di Masjid Negeri Melaka</b> | 125 |
|--------------------------------|-----|

|                |     |
|----------------|-----|
| 3.0 Pengenalan | 125 |
|----------------|-----|

|   |  |
|---|--|
| 3.1 Hadis (1) : Hadis Keadaan Buraq Yang Malu |  |
|---|--|

|                               |     |
|-------------------------------|-----|
| <b>Bertemu Rasulullah SAW</b> | 128 |
|-------------------------------|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 3.2 Hadis (2) : Hadis Keadaan Buraq Ketika Bergerak | 132 |
|---|-----|

|  |     |
|--|-----|
| 3.3 Hadis (3) : Hadis Doa Perlindungan | 132 |
|--|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 3.4 Hadis (4) : Hadis Nabi Muhammad SAW Solat Di<br>Jabal Tursina | 136 |
|---|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 3.5 Hadis (5): Hadis Balasan Kepada Pemakan Harta<br>Anak Yatim | 139 |
|---|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 3.6 Hadis (6) : Hadis Balasan Kepada Pemakan Riba | 143 |
|---|-----|

|  |     |
|--|-----|
| 3.7 Hadis (7) : Hadis Seksaan Wanita Yang Digantung<br>Rambutnya | 148 |
|--|-----|

|  |     |
|--|-----|
| 3.8 Hadis (8) : Hadis Kisah Orang Yang<br>Menghantukkan Kepala Ke Batu | 151 |
|--|-----|

|   |     |
|---|-----|
| 3.9 Hadis (9) : Hadis Balasan Akibat Tidak Melaksanakan<br>Amanah | 155 |
|---|-----|





|      |  |     |
|------|--|-----|
| 3.10 | Hadis (10) : Hadis Peristiwa Nabi SAW Bertemu Perempuan Yang Memakai Perhiasan               | 158 |
| 3.11 | Hadis (11) : Hadis Tempat Buraq Diikat   | 161 |
| 3.12 | Hadis (12) : Hadis Rupa Wajah Nabi Isa AS Umpama Urwah RA                                    | 163 |
| 3.13 | Hadis (13) : Hadis Nabi Yahya AS Dan Nabi Zakaria AS Bersaudara Dan Ketampanan Nabi Yusuf AS | 166 |
| 3.14 | Hadis (14) : Hadis Rasulullah SAW Bertemu Nabi Idris AS Di Langit Pertama                    | 169 |
| 3.15 | Hadis (15) : Hadis Kubur Nabi Musa AS  | 171 |
| 3.16 | Hadis (16) : Hadis Nabi Musa AS Lempar Kitab Taurat  |     |
| 3.17 | Hadis (17) : Hadis Nabi Musa AS Menangis   | 177 |
| 3.18 | Hadis (18) : Hadis Rasulullah SAW Bertemu Nabi Ibrahim AS                                    | 182 |
| 3.19 | Hadis (19) : Hadis Wajah Nabi Ibrahim AS Seiras Nabi Muhammad SAW                            | 185 |
| 3.20 | Hadis (20) : Hadis Suasana Di Baitul Makmur  | 188 |
| 3.21 | Hadis (21) : Hadis Saiz Daun Pohon Sidratul Muntaha  | 192 |
| 3.22 | Hadis (22) : Hadis Pohon Sidratul Muntaha  | 199 |
| 3.23 | Hadis (23) : Hadis Empat Batang Sungai Di Sidratul Muntaha                                   | 202 |
| 3.24 | Hadis (24) : Hadis Nabi Muhammad SAW Menangis Lihat Neraka                                   | 205 |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 3.25 | Hadis (25) : Hadis Orang Miskin Paling Ramai Masuk Syurga | 206 |
| 3.26 | Hadis (26): Hadis Bunyi Tapak Kaki Bilal Di Syurga        | 209 |
| 3.27 | Hadis (27) : Hadis Bentuk Sebenar Jibril AS               | 215 |
| 3.28 | Hadis (28) : Hadis Keterbatasan Jibril AS                 | 220 |
| 3.29 | Hadis (29): Hadis Sifat Malaikat Penanggung Arasy         | 225 |
| 3.30 | Hadis (30) : Hadis Solat Fardhu Empat Puluh Waktu         | 228 |
| 3.31 | Hadis (31) : Hadis Nabi Muhammad SAW Diajar Cara Solat    | 230 |



#### **BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN** 238

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 4.0   | Pendahuluan   | 238 |
| 4.1   | Bahagian (1) : Maklumat Demografi Penceramah                              | 238 |
| 4.1.1 | Analisis Jantina Penceramah Israk dan Mikraj                              | 239 |
| 4.1.2 | Analisis Kerakyatan Penceramah Israk dan Mikraj                           | 241 |
| 4.1.3 | Analisis Latar Belakang Pendidikan Penceramah Israk dan Mikraj            | 242 |
| 4.1.4 | Analisis Pemegang Tauliah Mengajar  | 243 |
| 4.2   | Bahagian (2) : Bilangan Masjid Yang Menganjurkan Ceramah Israk dan Mikraj | 244 |
| 4.3   | Bahagian (3) : Penggunaan Dalil Hadis Dalam Ceramah Israk dan Mikraj      | 245 |





|                |   |     |
|----------------|---|-----|
| 4.3.1          | Analisis Hadis Berdasarkan Kisah Israk dan Mikraj | 246 |
| 4.3.2          | Analisis Sumber Hadis Berdasarkan Takhrij         | 248 |
| 4.3.3          | Analisis Kategori Sumber Berdasarkan Takhrij      | 249 |
| 4.3.4          | Analisis Kitab Hadis Berdasarkan Takhrij          | 250 |
| 4.3.5          | Analisis Sumber Tafsir Berdasarkan Takhrij        | 252 |
| 4.3.6          | Analisis Sumber Lain Berdasarkan Takhrij          | 253 |
| 4.3.7          | Analisis Status Hukum Hadis Berdasarkan Takhrij   | 253 |
| <b>BAB 5</b>   | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>                       | 255 |
| 5.0            | Rumusan   | 255 |
| 5.1            | Cadangan  | 259 |
| <b>RUJUKAN</b> |   | 262 |





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Hadir merupakan sumber hukum yang disepakati oleh ulama untuk dijadikan dalil atau sandaran kepada sesbuah perkara yang melibatkan perkara akidah, ibadah mahupun perkara-perkara yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Secara umum, pengertian hadis ialah apa sahaja yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sama ada iaanya berupa perkataan, perbuatan, taqrir iaitu perakuan tanpa bantahan yang menandakan setuju<sup>1</sup>.

Periwayatan hadis bermula secara berperingkat-peringkat bermula sewaktu zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat RA, zaman tabi'in dan diikuti pula oleh zaman selepasnya sehingga ke hari ini. Perkembangan ilmu tersebut juga meliputi perbaasan dalam kalangan ulama yang melibatkan permulaan hadis dalam diri Rasulullah SAW. Sebahagian ulama berpendapat bahawa hadis bermula semenjak

<sup>1</sup>Syed Abdul Majid Ghori, 2015, Pengenalan Ilmu Mustalahah al-Hadith, Diterjemahkan oleh Muhammad Hazim bin Hussin, Darul Syakir Enterprise, Bandar Baru Bangi, Selangor, Hlm. 23.





baginda SAW kecil lagi atau sebelum baginda dilantik sebagai rasul. Ini merangkumi riwayat hidup baginda ketika dilahirkan, berniaga, mendamaikan perbalahan dengan orang-orang Quraisy dan ketika baginda SAW mengasingkan diri di gua Hira'. Selain itu, terdapat juga ulama yang mengatakan bahawa hadis Nabi SAW bermula setelah baginda SAW dilantik menjadi nabi dan rasul<sup>2</sup>.

Pendapat tersebut berlaku kerana setiap kejadian dan amalan baginda SAW sebelum menjadi Nabi dan Rasul tidaklah dituntut ke atas umat Islam untuk melaksanakannya, sedangkan hadis merupakan suatu perkara yang wajib diambil dan ditaati. Atas alasan ini maka para ulama lebih bersetuju untuk mengatakan bahawa hadis bermula dengan perlantikan baginda sebagai nabi dan rasul. Ia merupakan permulaan kepada hadis yang tersebar dalam diri Rasulullah SAW sendiri dan proses perkembangan hadis yang terus berlaku dari zaman ke zaman yang bermula pada zaman Rasulullah SAW<sup>3</sup>.

Pada zaman Rasulullah SAW hadis masih melalui proses penyebaran daripada Rasulullah SAW sendiri kepada para sahabat. Penyebaran yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW dalam bentuk yang paling asas iaitu hadis yang berada dalam ingatan dan hafalan para sahabat RA. Oleh itu, pada permulaan penyebaran hadis, berlaku larangan dalam penulisan hadis daripada kalangan para sahabat RA pada ketika itu. Tetapi terdapat juga tuntutan supaya hadis ditulis pada zaman tersebut, maka berlaku kontroversi yang melibatkan percanggahan samaada terdapat tuntutan penulisan hadis atau sebaliknya. Bagi menghapuskan kekeliruan tersebut, ulama'

<sup>2</sup>Mohd. Muhaiden bin Abd. Rahman, 2004, Sejarah Penulisan dan Pembukuan Hadith: Satu Sorotan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Hlm. 115.

<sup>3</sup>Mohd. Muhaiden bin Abd. Rahman, 1996, Al-Hadith: Kedudukan Dan Peranannya Dalam Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Hlm. 29.





telah mengemukakan pendapat masing-masing bagi menyelesaikan percanggahan tersebut<sup>4</sup>.

Antara ulama' yang mengemukakan pandangan ialah Ibn Hajar al-'Asqalani, yang berpendapat bahawa larangan yang berlaku hanya pada peringkat awal sahaja ketika mana al-Quran masih diturunkan oleh Allah SWT. Ini kerana pada peringkat awal para sahabat belum lagi dapat membezakan diantara al-Quran dan hadis. Tetapi setelah ayat-ayat al-Quran semakin banyak diturunkan maka para sahabat sudah mampu membezakan antara keduanya<sup>5</sup>.

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, periyawatan hadis semakin berkembang dalam kalangan sahabat dan zaman seterusnya iaitu zaman tabi'in. Selaras dengan perkembangan hadis yang berlaku pada zaman tabi'in maka timbulah permasalahan yang berkaitan dengannya. Pada zaman tersebut bermulanya proses periyawatan hadis dan dalam proses tersebut terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan hadis untuk kepentingan masing-masing sehingga munculnya fitnah melalui hadis palsu yang dicipta sehingga berlakulah perpecahan dalam kalangan umat Islam<sup>6</sup>.

Memandangkan perpecahan yang berlaku begitu serius, khalifah 'Umar bin Abdul Aziz yang merupakan tabi'in pada zaman pemerintahan Bani Umayyah telah mengarahkan agar hadis-hadis Nabi SAW dibukukan untuk dijadikan rujukan bagi wilayah-wilayah Islam. Permulaan pembukuan hadis tersebut merupakan satu

<sup>4</sup>Ibid. Hlm. 116.

<sup>5</sup>Ibid. Hlm. 121.

<sup>6</sup> Faisal Ahmad Shah. 2016. Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan cabaran, Kolej Universiti Islam Selangor, Bandar Baru Bangi. Hlm. 13.





revolusi dalam perkembangan ilmu hadis yang ada pada hari ini dengan penghasilan pelbagai karya hadis seperti Muwatta Imam Malik, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan banyak kitab hadis yang menjadi rujukan dan pegangan umat Islam pada masa kini<sup>7</sup>.

## 1.1 Latar Belakang

Nabi Muhammad SAW merupakan guru yang pertama mengajar agama Islam kepada umat Islam. Pelantikan baginda SAW sebagai rasul yang terakhir yang dibangkitkan di Tanah Arab, menjadikan agama Islam sebagai agama yang terakhir yang direhsti oleh Allah SWT. Menurut al-Shalabi, sejarah telah merakamkan pada zaman baginda

SAW, usaha menyebarkan agama dan mengajarkannya bermula di rumahnya, begitupun juga rumah salah seorang sahabat baginda SAW iaitu al-Arqam bin Abi al-Arqam<sup>8</sup>.

Menurut al-Kinani, setelah Rasulullah berpindah ke Madinah al-Munawwarah, dengan pertolongan para sahabat RA, baginda SAW telah berjaya membina sebuah masjid di Madinah yang dikenali hingga ke hari ini dengan nama Masjid al-Nabawi. Di masjid inilah Nabi SAW telah mengajar para sahabat RA setiap hari mengenai ilmu-ilmu Islam yang termasuk di dalamnya hukum hakam, aqidah dan sebagainya. Manakala bagi kaum wanita Rasulullah SAW berjumpa dengan mereka seminggu sekali, iaitu pada hari Jumaat<sup>9</sup>. Menurut Mohamad Yusuf Ahmad, selain daripada sesi

<sup>7</sup>Ibid. Hlm. 14.

<sup>8</sup>Al-Shalabi. 1981. Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiyah, cetakan ke-9. Qahirah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyah, Hlm. 137.

<sup>9</sup>Kinnany, 1980, “Producing teachers for Islamic Education” di dalam Curriculum and Teacher Education. Jeddah: King Abdul Aziz University, Hlm. 111.





kuliah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, baginda turut menyampaikan ilmu berupa kuliah khas di masjid ini<sup>10</sup>. Sesi kuliah ilmu ini diadakan di anjung masjid yang digelar al-Suffah seperti mana yang telah dinyatakan oleh Al-Naqib<sup>11</sup>.

Sejarah yang dirakamkan ini telah menunjukkan perkembangan ilmu Islam di peringkat awal telah bermula dengan institusi masjid. Masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat menuaikan solat tetapi turut menjadi pusat perkembangan ilmu, pusat kemajuan ekonomi, pusat pertemuan komuniti, pusat penyebaran maklumat, tempat kegiatan sosial seterusnya sebagai tempat penyatuan ummah.

Institusi masjid memainkan peranan penting sebagai tempat tumpuan umat Islam mendapatkan pendidikan secara formal atau tidak formal. Menurut Fauzi



Deraman, pengajian-pengajian agama yang dijalankan di masjid dikategorikan sebagai pengajian tidak formal<sup>12</sup>. Walaupun pengkategorian ini hanya dinyatakan oleh beberapa orang tokoh, institusi masjid dilihat sebagai pusat utama dan elemen asas yang telah memainkan peranan penting terhadap perkembangan tradisi ini. Fenomena semasa memperlihatkan kesedaran dan minat masyarakat yang semakin mendalam terhadap pengajian-pengajian ilmu yang dilakukan di masjid-masjid seluruh masjid<sup>13</sup>.

Di Malaysia, aktiviti-aktiviti masjid yang dijalankan adalah sebahagian daripada strategi pengimaranan masjid dengan tujuan untuk mendekatkan masyarakat

<sup>10</sup>Mohd. Yusuf Ahmad. Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Masjid, Hlm. 3.

<sup>11</sup>Al-Naqib, 1984, Buhuth fi al-Tarbiyah al-Islamiyah, Qahirah: Dar al-Fikr, Jld.2. Hlm. 156.

<sup>12</sup>Fauzi Deraman, 2010, Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Hlm. 1-2.

<sup>13</sup>Rosni Wazir, Mohd Khafidz Bin Soroni, Mohd Norzi Bin Nasir, Mohd Fairuz Bin A.Adi, Nor Asyikin Binti Hasan Adali, 2016, Kelangsungan Pengajian Kitab Hadith Di Masjid-Masjid Negeri Selangor, Hlm. 34.





dengan institusi tersebut. Lebih daripada itu, masjid dianggap sebagai tempat rasmi dalam menyampaikan mesej Islam kerana masjid merupakan tempat yang strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah dan mendekatkan masyarakat kepada agama.

Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri, merupakan badan yang mengambil bertanggungjawab mengurus pengajian-pengajian yang dijalankan oleh pihak masjid. Menurut Abdul Halid, usaha ini dapat membantu dalam memacu dan memperkasa program-program pembangunan dan pengimaranan masjid dan surau, khususnya yang melibatkan kelas-kelas pengajian takmir. Sekaligus menjadi tanda aras dalam membuat penilaian dan strategi yang lebih berkesan dalam memastikan pengajian takmir tetap berada di landasan yang sebenar dalam meniti arus perdana pembangunan<sup>14</sup>.



## 1.2 Definsi Operasi Kajian

Beberapa istilah yang penting dalam cadangan penyelidikan ini disenaraikan, ia bagi menjelaskan lebih terperinci dalam kajian yang dijalankan ini:

**1.2.1 Analisis:** Analisis adalah penyelidikan atau penghuraian sesuatu secara terperinci atau mendalam<sup>15</sup>. Maksud analisis dalam kajian ini ialah penelitian terhadap status hadis yang digunakan oleh penceramah dalam ceramah Israk dan Mikraj.

<sup>14</sup>Abdul Halid b. Sinto, 2010, Ucapan sempena Ijtimak' Sanawi Guru Takmir Peringkat Negeri Perak. Auditorium Kolej Islam Darul Ridzuan, Perak, Hlm. 56.

<sup>15</sup>Kamus Dewan 4<sup>th</sup> ed., 2014, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 51.





1.2.2 **Hadis:** Merujuk kepada perkataan, perbuatan, persetujuan atau kelakuan (sifat) Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh para sahabatnya untuk menjelaskan sesuatu hukum dalam agama Islam<sup>16</sup>. Menurut ahli hadis, ia adalah segala sesuatu yang bersumber daripada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, ketetapan, ciri-ciri tubuh badan, akhlak dan tingkah laku atau perjalanan hidup (sirah) baginda SAW sama ada sebelum atau sesudah baginda SAW diangkat menjadi Rasul<sup>17</sup>. Oleh yang demikian, maksud hadis dalam kajian ini ialah apa-apa sahaja hadis yang penceramah sampaikan kepada pendengar tanpa mengira status hadis tersebut. Penggunaan ‘hadis’ turut digunakan dalam Kamus Dewan.



1.2.3 **Dalil:** Dalil ialah keterangan atau bukti yang menjadi bukti sesuatu kebenaran terutama yang berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis<sup>18</sup>. Dalam kajian ini, istilah ‘dalil’ adalah merujuk kepada penggunaan hadis-hadis Nabi SAW yang dibawa dalam ceramah Israk dan Mikraj sebagai hujah dan keterangan.

1.2.4 **Ceramah:** Menurut Kamus Dewan, ceramah adalah ucapan, keterangan, huraian, penjelasan atau ulasan tentang sesuatu perkara, ilmu pengetahuan dan lain-lain. Ia bertujuan memberikan nasihat dan petunjuk-petunjuk sementara ada *audiens* (hadirin) yang bertindak sebagai pendengar<sup>19</sup>. Maksud ceramah dalam kajian ini ialah ceramah yang khusus membahaskan tentang perihal

<sup>16</sup> Ibid. Hlm: 498.

<sup>17</sup> Dr. Mustafa al-Siba'i. 2000. Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islam, Al-Maktabah al-Islami – Beirut, Hlm. 12.

<sup>18</sup> Kamus Dewan 4<sup>th</sup> ed. 2014, Hlm.307.

<sup>19</sup> Ibid. Hlm.270.





berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj bermula daripada sebelum berlakunya peristiwa tersebut sehingga berakhirnya peristiwa itu serta pengajaran-pengajarannya.

**1.2.5 Israk dan Mikraj:** Perkataan Israk dan Mikraj adalah morfologi Bahasa Arab. Seperti yang diketahui bahawa kedua-dua perkataan ini merupakan kalimah dalam Bahasa Arab.

1.2.5.1 Perkataan **Israk** berasal daripada kata kerja *asra* (أَسْرَى) yang bererti perjalanan malam<sup>20</sup>. Di dalam al-Quran perkataan *asra* digunakan oleh Allah SWT khusus bagi menjelaskan peristiwa Israk dan Mikraj. Firman Allah SWT:



سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ

لِتُرَيَّهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (1)

Maksudnya:

“Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkat sekelilingnya, agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat<sup>21</sup>.”

<sup>20</sup>Ibn Manzur, 1990, Lisan al-Arab, Beirut: Dar Sadir, Jld.14, Hlm.382.

<sup>21</sup>Al-Qur'an, Surah al-Israk, Ayat : 1.





1.2.5.2 **Mikraj** pula menurut kamus Lisan al-Arab bererti satu alat yang menyerupai tangga yang digunakan oleh roh manusia untuk ke langit setelah dipisahkan daripada jasad<sup>22</sup>. Perkataan ini berasal daripada kata kerja ‘araja (عَرَجَ) <sup>23</sup>. Allah SWT merakamkan peristiwa Mikraj Rasulullah SAW ke langit menerusi firman-Nya:

وَلَقَدْ رَأَهُ تَنْزِلَةً أُخْرَى (13) عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى (14) عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى (15) إِذْ يَعْشَى

السِّدْرَةُ مَا يَعْشَى (16) مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَى (17) لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى (18)

**Maksudnya:**



Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril AS (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain. (Iaitu) di Sidrat al-Muntaha. Berhampiran dengannya terdapat syurga tempat tinggal (Muhammad melihat Jibril) ketika Sidrat al-Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhan yang paling besar”<sup>24</sup>.

<sup>22</sup>Ibn Manzur, Lisan al-Arab, Jld. 2, Hlm.322.

<sup>23</sup>Ibid, Jld. 2, Hlm.321.

<sup>24</sup>Al-Qur'an, Surah al-Najm, Ayat: 13-18.





1.2.6 **Institusi:** **Institusi** bermaksud sesuatu yang dilembagakan oleh undang-undang, adat kebiasaan atau badan yang melaksanakan tugas yang bersifat am<sup>25</sup>.

1.2.7 **Masjid** pula bermaksud rumah ibadat orang-orang Islam atau bangunan khas tempat umat Islam melakukan ibadat seperti solat Jumaat dan ibadah-ibadah yang lain<sup>26</sup>. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membahagikan masjid kepada beberapa kategori<sup>27</sup> antaranya masjid negara, masjid negeri, masjid bandar, masjid daerah/jajahan, masjid mukim/kariah, masjid institusi, masjid Diraja dan masjid warisan. Oleh yang demikian masjid merupakan satu institusi yang cukup berpengaruh dalam mengembangkan agama Islam.



1.2.8 **Negeri Melaka:** Negeri Melaka adalah salah sebuah negeri daripada tiga belas buah negeri di Malaysia. Ia dikenali sebagai ‘Melaka Negeri Bersejarah’ atau ‘Negeri Hang Tuah’. Populasi negeri Melaka berjumlah 872,900 orang dan berkeluasan 1664 km persegi<sup>28</sup>. Pada tahun 2008 Melaka diisytiharkan oleh UNESCO sebagai Bandar Warisan Dunia (*World Heritage*). Negeri Melaka juga diisytiharkan sebagai ‘Melaka Maju’ pada 20-10-2010 pada jam 20.10 malam di Stadium Hang Jebat yang disempurnakan oleh Perdana

<sup>25</sup>Kamus Dewan 4<sup>th</sup> ed., 2014, Hlm. 581.

<sup>26</sup>Ibid. Hlm. 1002.

<sup>27</sup>Laman web <http://masjid.islam.gov.my/index.php?data=c3RhdGlzGlrLnBocA==>

<sup>28</sup>Maruwiah Ahmat, 2008, Kenali Negeri Kita Melaka Negeri Bersejarah, Karisma Publication, Selangor, Hlm.34.





Menteri Malaysia. Kerajaan Negeri Melaka juga memasyurkan slogan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau<sup>29</sup>.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Penyebaran hadis *maudhu'* atau palsu yang bertentangan dengan agama menjadi salah satu faktor utama yang membolehkan rosaknya akidah umat Islam<sup>30</sup>. Walaupun para ulama hadis telah menetapkan beberapa metod khusus dalam penerimaan sesebuah hadis yang disandarkan kepada Nabi SAW, namun penyebaran hadis palsu masih berlaku hingga kini.

Abu Layth Khayr al-Abadi menyatakan penyebaran hadis palsu dengan

kepelbagaiantafaktorantaranya seperti faktor permusuhan terhadap Islam, faktor politik, faktor kepelbagaiannya mazhab dalam akidah, faktor keta'asuhan terhadap kabilah dan puak-puak tertentu. Begitu juga faktor galakan melaksanakan kebajikan dalam agama turut menjadi faktor dalam penyebaran hadis Nabi SAW<sup>31</sup>.

Tokoh hadis masakini, Abdul Fattah Abu Ghudah turut menegaskan bahawa terdapat banyak pendusta dan pereka hadis-hadis palsu. Seperti mana yang direkodkan oleh jumhur ulama seperti Ibn Taymiyyah, al-Iraqi dan al-Suyuti<sup>32</sup>, mereka menyatakan bahawa penyampaian kisah-kisah palsu dan dongeng turut digunakan dan disandarkan dalam kisah-kisah kenabian.

<sup>29</sup> Laman web <https://www.melaka.gov.my/ms/tentang-melaka/tentang-melaka/sejarah>

<sup>30</sup> Asri Zainul Abidin, 2004, "Riwayat Sirah: Antara Yang Tulen Dan Palsu", Majalah I, Bil.23/SEPT.2004 PP 11896/3/2005, Hlm. 59.

<sup>31</sup> Muhammad Abu Layth Khayr al-Abadi. 2001. Ulum al-Hadith Asiluha wa Mua'siruhu. Malaysia: Dar al-Syakir. Hlm. 194 -202.

<sup>32</sup> Abu Ghudah Abdul Fattah. Lumahat Min Tarikh al-Sunnah wa Ulum al-Hadith. Hlm. 58-59.





Tidak dinafikan bahawa faktor penyebaran hadis palsu berlaku dalam penyampaian kisah-kisah keagamaan khususnya dalam peristiwa hari kebesaran Islam. Menurut Mohd Fauzi Mohd Amin, faktor peribadi seperti penceramah agama yang menyampaikan ceramah dalam agama merupakan salah satu faktor kuat dalam penyebaran hadis palsu<sup>33</sup>. Bahkan kajian yang dilakukan oleh Fairuz A.Adi berkaitan dengan pengajaran hadis di institusi masjid, menjelaskan terdapat tenaga pengajar yang tidak menjelaskan kedudukan sebenar hadis<sup>34</sup>. Dengan ketiadaan penjelasan mengenai status kedudukan hukum hadis menjadi salah satu faktor penggunaan hadis palsu masih berlaku.

Menurut Md Khairulzaki bin Misbah, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka

(JAIM) masih membuka ruang kepada tenaga pengajar dan penceramah menyampaikan ceramah agama mengikut keperluan dan silibus kitab mata pelajaran yang telah digariskan. Namun masih terdapat tenaga pengajar yang menggunakan kitab-kitab tambahan yang mempunyai status atau darjah hadis yang pelbagai ketika pengajaran dilakukan khususnya di dalam ceramah hari kebesaran dalam Islam khususnya Israk dan Mikraj<sup>35</sup>.

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kitab agama yang popular yang digunakan dan dinyatakan sebagai rujukan dalam sesi ceramah dan pengajian agama

<sup>33</sup> Muhammad Fauzi Mohd Amin. 2011. Dirasat 'An Khatr al-Ahadith al-Mawdhu'ah. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, Hlm.70-71.

<sup>34</sup> Muhammad Fairuz bin A. Adi, Mohd Khafidz bin Soroni, et.al (2016) Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadis Di Masjid-Masjid Negeri Selangor.E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 (e-ISBN 978-967-0850- 45-0).Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Hlm.101.

<sup>35</sup> Sesi temubual dijalankan oleh pengkaji bersama ustaz Md Khairulzaki bin Misbah. Beliau merupakan Pegawai Penyelaras Takmir Negeri, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam negeri Melaka hingga kini.





khusus dalam ceramah Israk dan Mikraj. Antara kitab yang dikenalpasti dibawa dalam sesi ceramah sekitar negeri Melaka seperti Hashiyahal-Dardir 'ala Qissah al-Mi'raj<sup>36</sup>, Durrahal-Nasihin<sup>37</sup> dan Kifayatul Muhtaj fi al-Israk wal Mikraj<sup>38</sup>. Di dalamnya terdapat hadis-hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW yang pelbagai status hukum antaranya sahih, dhaif dan palsu.

Pada masa yang sama, laporan berita dalam portal Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) pada tahun 2018, mengesahkan masih berlakunya penyebaran hadis palsu dalam kalangan penceramah selebriti yang dijemput oleh pihak masjid. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, disiplin ilmu itu membabitkan penguasaan bahasa Arab lebih baik, kefahaman maksud hadis atau ayat serta tafsiran tepat mengikut peredaran masa kini hendaklah dijaga dan diteliti. Menurut beliau; “Dinasihatkan ustaz atau penceramah ini lebih berdisiplin kerana bimbang segala penafsiran yang dibawa palsu selain boleh berlaku penipuan ilmu dalam berceramah. Dari segi penguatkuasaan, itu tanggungjawab majlis agama Islam di negeri masing-masing untuk memantau dan mengambil tindakan sewajarnya. Di peringkat Persekutuan kita hanya boleh nasihat”<sup>39</sup>.

Berdasarkan kenyataan ini, jelas membuktikan masih berlakunya penyebaran hadis palsu samada sengaja atau tidak oleh peneramah dan mereka yang terlibat. Ia merupakan faktor serius penyebaran hadis palsu yang berlaku di dalam negara.

<sup>36</sup>Hashiyah al-Dardir ala Qisah al-Isra' wa al-Mi'raj merupakan karangan Shaykh Ahmad bin Muhammad al-Dardir.

<sup>37</sup>Durrah al-Nasihin merupakan karangan Uthman Ibn Hasan al-Khubawi (w. 1824).

<sup>38</sup>Kifayatul Muhtaj fi al-Isra' wal Mikraj dikarang pada tahun 1809M di Mekah oleh Al-'Allamah Syaikh Daud bin Abdullah al-Fathani.

<sup>39</sup>Kenyataan ini telah disebut dalam portal Yayasan Dakwah Islam Malaysia yang beralamat seperti berikut: <http://www.yadim.com.my/v2/ustaz-selebriti-jangan-sebar-hadis-palsu/>





Begitu juga, terdapat pelbagai hadis yang pelbagai status hukum dikenalpasti masih digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj antaranya hadis balasan-balasan dalam neraka kepada perempuan, hadis mengenai buraq dan hadis tentang rupa malaikat.

Oleh yang demikian, kedudukan hadis-hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj di masjid dalam negeri Melaka dilihat memerlukan satu catatan dokumentasi yang lengkap dan tepat. Dengan cara ini penilaian dari sudut penggunaan sumber dapat dikenalpasti. Justeru kajian ini cuba mengenal pasti hadis-hadis Israk dan Mikraj Rasulullah SAW yang digunakan, sekaligus menganalisis sumber dan status hukum hadis-hadis yang digunakan dalam sesi ceramah Israk dan



#### 1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, beberapa soalan kajian dikemukakan, seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah pola pelaksanaan aktiviti pengajian agama khususnya ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka?
- 1.4.2 Apakah hadis-hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka?
- 1.4.3 Bagaimanakah kedudukan status hukum hadis yang digunakan oleh penceramah dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj di institusi masjid di negeri Melaka?





## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan, kajian ini dibentuk dengan objektif-objektif berikut:

- 1.5.1 Mengenalpasti pola pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengajian agama khususnya ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka.
- 1.5.2 Mengenal pasti hadis-hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka.
- 1.5.3 Menganalisis kedudukan sumber dan status hukum hadis yang digunakan oleh penceramah dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj di institusi masjid di negeri



## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tambahan nilai tambah kepada para penceramah Israk dan Mikraj di negeri Melaka terhadap kepentingan meneliti status hadis sebelum disampaikan kepada masyarakat. Kajian ini juga diharapkan dapat menyatakan keutamaan dalam menilai kedudukan dan ketulenan sesuatu hadis.

Selain itu, ia merupakan salah satu cara yang berkesan bagi membantu dan mendedahkan kepada mereka supaya sentiasa peka dan sensitif tentang penggunaan status hadis bagi menarik minat masyarakat untuk menghayati peristiwa Israk dan





Mikraj. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan dalam memperkayakan ilmu pengetahuan mengenai kaedah menilai status hadis. Sekaligus menyumbang kepada perkembangan ilmu hadis dalam kalangan penceramah khususnya di negeri Melaka.

Perolehan kajian juga diharapkan memberi maklumat yang berguna kepada pihak yang berkenaan seperti Jabatan Agama Islam Negeri atau JAKIM untuk menilai kesan hadis palsu kepada anggota masyarakat. Oleh yang demikian, pihak berkenaan dapat memikirkan cara terbaik mengatasi masalah-masalah dengan berbekalkan maklumat yang dipaparkan.

Disamping itu, hasil kajian ini diharapkan mampu membuka minda dan rangsangan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk lebih memberi pendedahan kepada para penceramah Israk dan Mikraj khususnya di negeri Melaka untuk mengambil hadis-hadis daripada sumber-sumber yang sahih.

### 1.7 Batasan Kajian

Batasan dan skop kajian merupakan elemen penting dalam sesebuah kajian bagi mengikat kajian tersebut agar tidak terlalu luas dan tidak mendatangkan hasil yang sempurna. Dalam kajian ini skop dan batasan kajian akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tempat dan masa seperti berikut:





**1.7.1 Tempat Kajian:** Bagi skop dan batasan tempat kajian, kajian ini juga memberi tumpuan kepada para penceramah Israk dan Mikraj sama ada dari luar atau dalam negeri Melaka. Pemilihan negeri Melaka sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan justifikasi berikut:

1.7.1.1 Setiap penceramah yang akan berceramah di negeri Melaka mestilah mendapat kebenaran dan pengesahan daripada Jabatan Mufti Negeri Melaka bagi memastikan bahawa isi ceramah yang disampaikan tidak terkeluar daripada landasan Islam.

1.7.1.2 Terdapat sebanyak 194 buah masjid di negeri Melaka. 77 buah masjid dalam daerah Alor Gajah, 41 buah masjid dalam daerah Jasin dan 76 buah masjid dalam



daerah Melaka Tengah. Pengkaji telah memilih secara rawak sebanyak 30 buah masjid sekitar daerah-daerah ini untuk melihat kepada perbahasan terhadap beberapa perkara penting yang berkaitan dengan dalil hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj.

1.7.1.3 Pemilihan 30 buah masjid adalah kerana terdapat penceramah sama ada penceramah tempatan, luar Melaka atau guru takmir negeri Melaka berceramah lebih daripada lima masjid setiap kali sambutan Israk dan Mikraj diadakan. Maka bagi mengelakkan pertindihan dan memperolehi maklumat yang sama maka pengkaji memilih 30 buah masjid dengan penceramah yang berlainan.





1.7.1.4 Pengkaji telah senaraikan 30 buah masjid yang terdapat dalam daerah Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah yang akan dijadikan sebagai tempat kajian. Antara masjid-masjid yang menjadi dipilih pengkaji adalah seperti berikut:

1.7.1.4.1 **Daerah Alor Gajah:** Daerah ini mempunyai 10 buah masjid pilihan pengkaji iaitu, Masjid Ar-Rasyidin (masjid daerah Alor Gajah), Masjid Air Hitam Pantai, Masjid Air Limau, Masjid Dato Janggut Paya Rumput, Masjid Kuala Sungai Baru, Masjid Felcra Ramuan China Kechil, Masjid ITM Lendu, Masjid Al-Jawahir, Masjid Kampung Ayer Molek, Masjid Al-Aminin dan Masjid Saidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Melaka.



1.7.1.4.2 **Daerah Jasin:** Daerah ini mempunyai 10 buah masjid pilihan pengkaji iaitu, Masjid Al-Ghaffar (Masjid Daerah Jasin), Masjid Al-Mubarak, Masjid Asahan, Masjid Ayer Kangkong, Masjid Baru Nyalas, Masjid Batang Melaka, Masjid Jamek Ar-Rahim, Masjid Bukit Senggeh, Masjid Bukit Tembakau dan Masjid Cenderah.

1.7.1.4.3 **Daerah Melaka Tengah:** Daerah ini mempunyai 10 buah masjid pilihan pengkaji iaitu Masjid Al-Azim (masjid negeri Melaka), Masjid Al-Faizin, Masjid Al-Ehsan, Masjid Alai, Masjid As Shuhada, Masjid Ayer Keroh, Masjid Al-Ukhuwah, Masjid Nurul Hidayah @ Masjid Airport, Masjid Bandar Hilir dan Masjid As-Salihin.





Daripada 30 buah masjid ini, pengkaji akan menggunakan kaedah populasi capaian yang akan dijalankan iaitu pengkaji akan menggunakan sampel daripada masjid-masjid terpilih sahaja. Populasi capaian adalah populasi pilihan realistik kerana pengkaji dapat menjadikannya sebagai asas untuk membuat generalisasi dapan kajian. Sampel yang dipilih ialah 12 buah masjid yang terdiri daripada masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan dan masjid kariah dalam negeri Melaka.

Di atas justifikasi tersebut, pengkaji dengan dibantu oleh guru-guru takmir negeri Melaka yang turut hadir ke ceramah bagi mengumpul data-data secara bertulis, rakaman video dan audio yang berkaitan dengan penggunaan dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj di negeri ini. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah yang sesuai.



**1.7.2 Masa Kajian:** Kajian ini hanya tertumpu kepada ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan pada tahun 2017 hingga 2018 sahaja. Oleh yang demikian sesi ceramah selain daripada Israk dan Mikraj dan melebihi tempoh masa tidak akan dijadikan sebagai bahan dalam kajian ini.

## 1.8 Kajian Lepas

Pengkaji mengadakan tinjauan awal terhadap disertasi-disertasi atau tesis-tesis yang sedia ada yang berkaitan dengan tajuk. Berikut adalah beberapa tinjauan kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian:





### 1.8.1 Kajian Pengajian Agama Di Institusi Masjid Di Malaysia

1.8.1.1 Kajian yang ditulis oleh Nasoha Saabin (2001) menyatakan bahawa, “Penggunaan masjid sebagai pusat ilmu tidak lagi dimanfaatkan semaksimumnya oleh masyarakat kini. Buktinya, kita dapat melihat kehadiran jemaah untuk mendirikan solat berjemaah lima waktu dan menghadiri majlis ilmu, terdiri daripada golongan tua yang telah bersara. Inilah hakikat yang berlaku di sesetengah masjid di Malaysia dan negara Islam lain. Ternyata jauh berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat<sup>40</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan



tentang penggunaan masjid sebagai pusat ilmu tidak lagi dimanfaatkan semaksimumnya oleh masyarakat kini. Tidak seperti dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

1.8.1.2 Kajian yang dilakukan oleh Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007)<sup>41</sup> mendedahkan bahawa, “Secara dasarnya pengisian atau mata pelajaran yang diajar dalam kelas agama di masjid-masjid daerah Hulu Langat adalah ilmu-ilmu Islam yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah. Ini kerana al-Quran al-Karim adalah sumber pertama bagi pengetahuan Islam. Oleh itu, semua ilmu agama yang lain seperti ilmu

<sup>40</sup>Nasoha Saabin. (2001). Memartabatkan Masjid. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distribution Sdn. Bhd. Hlm.9.

<sup>41</sup>Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007), “Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat”, kajian Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Hlm. 88.



akidah, ibadat, akhlak dan adab serta perundangan wajib merujuk kepada asasnya yang utama iaitu al-Quran. Manakala Hadis merupakan penerangan dan penjelasan terperinci kepada al-Quran.”

**Dapatkan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang pengisian atau mata pelajaran yang diajar dalam kelas agama di masjid-masjid daerah Hulu Langat adalah ilmu-ilmu Islam yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah.

1.8.1.3 Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007)<sup>42</sup> turut menyatakan dalam kajiannya yang lain, bahawa, “Kelas agama yang diadakan di masjid pada hari ini lebih bersifat sebagai pusat pendidikan tidak formal

kepada masyarakat. Ini kerana ianya tidak mempunyai kurikulum khusus dan tiada penilaian yang sistematik terhadap proses pembelajarannya. Di samping itu, kehadiran pelajar kelas agama tidak diwajibkan, ianya hanya terpulang kepada kemauan dalaman setiap individu dan kelapangan masa yang ada. Kelas agama di masjid juga lebih bersifat sebagai pusat pendidikan orang dewasa, kerana kebanyakan mereka yang menghadirinya terdiri daripada golongan dewasa dan mereka yang telah bersara.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang kelas agama yang diadakan di masjid pada hari ini lebih

<sup>42</sup>Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007), "Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor", pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Hlm. 79.



bersifat sebagai pusat pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Ini kerana ianya tidak mempunyai kurikulum khusus dan tiada penilaian yang sistematik terhadap proses pembelajarannya.

1.8.1.4 Engku Ahmad Zaki (2008)<sup>43</sup>, “Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam”, Ph.D Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia. Pengkaji menyatakan bahawa, “Pendidikan tidak formal mempunyai peranan penting dalam memberi pendidikan kepada golongan lepasan sekolah, tetapi ia tidak diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab, termasuklah pendidikan agama tidak formal di masjid dan surau.

Sedangkan pendidikan adalah satu proses pembelajaran yang

berlangsung sepanjang hayat selagi nyawa dikandung badan. Terdapat banyak masjid dan surau di seluruh negeri Terengganu yang tidak diimarahkan dengan kelas pengajian agama, sedangkan kelas pengajian tersebut penting untuk masyarakat Islam sebagai benteng kukuh daripada ancaman ajaran sesat yang menyeleweng daripada ajaran Islam.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang pendidikan tidak formal mempunyai peranan penting dalam memberi pendidikan kepada golongan lepasan sekolah, tetapi ia tidak

---

<sup>43</sup>Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, (2008), Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam, Ph.D Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Hlm.18.





diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab, termasuklah pendidikan agama tidak formal di masjid dan surau.

1.8.1.5 Shuhadak Mahmud (2014), Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimaranan Masjid menjelaskan bahawa, “Program Takmir ialah satu program yang amat berdaya maju dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat dalam bentuk informal. Ia juga merupakan medium pengimaranan masjid paling berjaya setelah diuji dalam tempoh yang lama. Kelemahan yang wujud dalam program ini bukan bererti ia perlu dipinggirkan atau dinyahkan dari aktiviti sedia ada di masjid, bahkan ia merupakan cabaran untuk pihak berwajib agama untuk memberikan nafas baru dalam berbagai aspek demi kejayaan program ini, sesuai dengan tuntutan zaman<sup>44</sup>.”



**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang program Takmir yang merupakan medium pengimaranan masjid paling berjaya setelah diuji dalam tempoh yang lama.

## 1.8.2 Kajian Perkembangan Pengajian Hadis Di Malaysia

1.8.2.1 Suhaimi bin Abdul Wafir (2006), “Pengajian Hadis di Negeri Perak : Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah,

<sup>44</sup>Shuhadak Mahmud, 2014, Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimaranan Masjid, Hlm. 63.





Ipoh Perak”<sup>45</sup>, Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya menyatakan bahawa, “Kajian ini mendedahkan secara ringkas terhadap pengkajian hadis di Malaysia yang memfokuskan pengajian terhadap surau, masjid, pondok, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan sebagainya. Namun pengkaji mengemukakan juga sejarah pengajian hadis di Negeri Perak dan di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah (SIS), Ipoh Perak selaku lokasi kajian yang diikuti dengan pendedahan yang sangat berguna seperti sejarah sekolah terbabit, falsafahnya, sistem pembelajarannya, sukanan pelajaran hadis dan Ulum Hadis, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan sebagainya<sup>46</sup>. ”



**Dapatkan Kajian :** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan secara ringkas terhadap pengkajian hadis di Malaysia yang memfokuskan pengajian terhadap surau, masjid, pondok, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan sebagainya.

1.8.2.2 Mohd Army (2011), “Pengajian Hadis di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, Sarjana Akademi Pengajian Islam

<sup>45</sup>Suhaimi Abdul Wafir. 2006. Pengajian Hadis di Negeri Perak: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya. Hlm.19.

<sup>46</sup>*Ibid.* Hlm.20.





Universiti Malaya. Pengkaji mendedahkan bahawa, "sistem pengajian hadis di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap hadis dan pengajiannya serta keberkesanan sistem pengajian hadis di madrasah tersebut<sup>47</sup>."

**Dapatkan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang sistem pengajian hadis di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap hadis dan pengajiannya serta keberkesanan sistem pengajian hadis di madrasah tersebut.

1.8.2.3 Muhammad Faidz Bin Mohd Fadzil (2014), Pengajian Hadis Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia menyatakan bahawa,"bagi



merancakkan lagi pertumbuhan pengajian hadis di seluruh negara, keterlibatan serta campur tangan daripada pelbagai pihak seperti pemerintah, badan-badan agama kerajaan dan negeri, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan-badan penyiaran seperti stesen televisyen, surat khabar dan tidak terkecuali juga pelajar-pelajar agama keluaran bidang hadis khususnya adalah perlu. Mereka haruslah memainkan peranan dalam melebar luaskan ilmu hadis ini kepada masyarakat. Selain itu, sistem pengajian dan kaedah pembelajaran hadis yang menarik perlu diberi perhatian kerana ia turut mempengaruhi daya minat penuntut supaya lebih fokus dan mudah dalam memahami hadis-hadis Nabi SAW."

---

<sup>47</sup>Mohd Army, 2011, "Pengajian Hadis di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, Hlm.13.





**Dapatan Kajian:** Kajian ini lebih cenderung menyatakan bahawa bagi merancakkan lagi pertumbuhan pengajian hadis di seluruh negara, keterlibatan serta campur tangan daripada pelbagai pihak seperti pemerintah, badan-badan agama kerajaan dan negeri, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan-badan penyiaran seperti stesen televisyen, surat khabar dan tidak terkecuali juga pelajar-pelajar agama keluaran bidang hadis khususnya adalah amat diperlukan.

1.8.2.4 Ahmad Yunus Mohd Noor (2015), Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal menyatakan bahawa “Hadis merupakan ilmu yang paling wajar dipelajari selepas al-Qur'an. Ini kerana hadis adalah penjelas dan penerang maksud bagi ayat-ayat al-Qur'an. Oleh itu, pusat pengajian yang menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran hadis haruslah berlangsung dalam bentuknya yang asal seperti yang digariskan oleh ulama hadis. Kaedah pengajaran yang diaplikasikan di Maahad Darul Hadis adalah berpandukan kepada kaedah tradisi pembelajaran hadis iaitu kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* untuk mengekalkan tradisi pembelajaran ulama *turath*<sup>48</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Makalah ini lebih memberi tumpuan kepada pusat pengajian yang menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran hadis haruslah berlangsung dalam bentuknya yang asal seperti yang digariskan oleh ulama hadis.

<sup>48</sup>Ahmad Yunus Mohd Noor, 2015, Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal, Hlm.9.





1.8.2.5 Kajian yang ditulis oleh Mohd Amru bin Isa, Najah Nadiah Amran<sup>49</sup> (2017) yang bertajuk “Pengajian Hadis di Masjid Malaysia”, Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji mendedahkan bahawa “Pengajian hadis yang berlangsung di Malaysia tertumpu kepada cabaran yang dihadapi oleh Negara Malaysia dalam menyampaikan sesebuah hadis, cabaran tersebut merangkumi pemeliharaan kesucian hadis dan menyekat penyebaran hadis palsu. Dalam pada itu institusi masjid berperanan sebagai pusat ibadat dan penyebaran dakwah. Pengajian hadis merupakan sebuah medium penyampaian dakwah yang begitu penting kepada masyarakat untuk mewujudkan kefahaman dan pemeliharaan khazanah hadis serta kitab-kitab hadis.”



**Dapatan Kajian:** Walaubagaimanapun kajian mendapati disertasi ini lebih memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh Negara Malaysia dalam menyampaikan sesebuah hadis, cabaran tersebut merangkumi pemeliharaan kesucian hadis dan menyekat penyebaran hadis palsu. Dalam pada itu institusi masjid berperanan sebagai pusat ibadat dan penyebaran dakwah.

### 1.8.3 Kajian Pengajian Hadis Di Institusi Masjid Di Malaysia

<sup>49</sup>Mohd Amru bin Isa, Najah Nadiah Amran, 2017, Pengajian Hadis di Masjid Malaysia, Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Hlm.16.





1.8.3.1 Selamat Amir, (2011), “Pengajian Hadis di Institusi Formal & Non Formal di Malaysia, Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pengkaji mendedahkan bahawa “Permasalahan dalam pengajian hadis di institusi masjid antaranya, segelintir masyarakat masih memandang pengajian ilmu hadis sebagai satu pengajian yang tidak penting. Ini disebabkan kurangnya penerangan yang tidak jelas dan tepat berkenaan kedudukan sebenar hadis dalam Islam. Ini menunjukkan kelemahan pengajaran hadis yang dilaksanakan mempunyai permasalahan dari aspek struktur dan bentuk pengajaran dan pembelajaran.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan



1.8.3.2 Mohd Azrin Johari (2016), “Pengajian Hadis Di Masjid Dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis”, Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pengkaji mendedahkan bahawa “Pengajian bidang hadis di masjid dan surau di Selangor kelihatan sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian yang lain seperti pengajian *fiqh*, akhlak dan sebagainya. Hal ini mungkin disebabkan kepentingan tentang ilmu hadis kurang diberi perhatian dan diketengahkan sebagai disiplin ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam.”





**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang pengajian bidang hadis di masjid dan surau di Selangor kelihatan sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian yang lain seperti pengajian *fiqh*, akhlak dan sebagainya.

1.8.3.3 Muhammad Fairuz (2016), “Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadis di Masjid-masjid Negeri Selangor, Sarjana Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pengkaji mendedahkan bahawa, “Pengajian hadis juga tidak hanya menumpukan pada teks hadis malah tenaga pengajar juga banyak mengaitkan hadis yang dipelajari dengan isu semasa. Ada juga tenaga pengajar yang mengaitkan hadis tersebut dengan ilmu-ilmu lain seperti *fiqh*, *tawasuf* dan *adab*. Teknik pengajaran yang tidak sekata ini bergantung pada persediaan setiap tenaga pengajar sebelum memulakan pengajian mereka.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa disertasi ini mendedahkan tentang pengajian hadis juga tidak hanya menumpukan pada teks hadis malah tenaga pengajar juga banyak mengaitkan hadis yang dipelajari dengan isu semasa.

1.8.3.4 Mohd. Norzi Bin Nasir, Mohd. Khafidz Bin Soroni, Et.L (2016), Kitab-Kitab Hadis Dalam Pengajian Di Masjid-Masjid Selangor: Kajian Tinjauan mengatakan bahawa “Pengajian kitab hadis





di masjid-masjid negeri Selangor dilihat aktif dan rancak dikawasan bandar namun ia kelihatan kurang diberi perhatian di kawasan luar bandar<sup>50</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang pengajian kitab hadis di masjid-masjid negeri Selangor dilihat aktif dan rancak dikawasan bandar namun ia kelihatan kurang diberi perhatian di kawasan luar bandar.

1.8.3.5 Mohd Azrin Johari (2016) Pengajian Hadis Di Masjid Dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya



menegaskan bahawa “Pengajian hadis di masjid dan surau perlu diteruskan kerana ianya amat membantu dalam menambahkan kefahaman masyarakat setempat dalam ilmu hadis. Pihak masjid dan surau juga perlu mempelbagaikan lagi bentuk program pengajian hadis bukan hanya tertumpu kepada Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan Kuliah Dhuha. Program lain seperti forum hadis, diskusi bersama pakar hadis atau klinik hadis dilihat antara usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak masjid dan surau. Bantuan kewangan serta bekalan tenaga pakar daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

---

<sup>50</sup>Mohd. Norzi Bin Nasir, Mohd. Khafidz Bin Soroni, Et.L, 2016, Kitab-Kitab Hadis Dalam Pengajian Di Masjid-Masjid Selangor: Kajian Tinjauan, Kolej Universiti Islam Selangor, Bandar Baru Bangi, Hlm.11.





atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga boleh merancakkan lagi pengajian hadis di masjid dan surau<sup>51</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang pengajian hadis di masjid dan surau perlu diteruskan kerana ianya amat membantu dalam menambahkan kefahaman masyarakat setempat dalam ilmu hadis.

1.8.3.6 Wahyu Hidayat Abdullah, Abd Hadi Borham, Marzuqi Abdul Rahim pada tahun 2018<sup>52</sup>. Yang bertajuk Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak menyatakan bahawa, “Kajian ini

merupakan kajian yang melihat amalan huraihan hadis berdasarkan ilmu syarah hadis yang telah dipelopori oleh ulama hadis. Kajian terfokus kepada tenaga pengajar di daerah Mua'llim, negeri Perak. Sebanyak 5 masjid yang terlibat dalam kajian ini merumuskan kaedah asas dalam menghuraikan hadis masjid masih tidak digunakan secara mendalam dan tidak terperinci. Beberapa faktor menyumbang penggunaan ilmu syarah hadis dalam sesi pengajian yang dijalankan.”

<sup>51</sup>Mohd Azrin Johari (2016), Pengajian Hadis Di Masjid Dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Hlm.306.

<sup>52</sup>Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Marzuqi Abdul Rahim & Abd Hadi Borham. Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. Jurnal Sains Humanika. Universiti Teknologi Malaysia. E-ISSN 2298-6899. Vol. 10. No.3-4





**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang kaedah asas dalam menghuraikan hadis masjid masih tidak digunakan secara mendalam dan tidak terperinci.

#### 1.8.4 Kajian Status Kedudukan Hadis

1.8.4.1 Jawiah Dakir (2009), Hadis Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis menegaskan bahawa “kepentingan merujuk kepada al-Sunnah atau Hadis yang *sahih* adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan nas Hadis untuk kepentingan diri ataupun bagi tujuan

tersebut berkaitan dengan akidah dan syariat yang boleh menyebabkan akidah seseorang itu rosak atau sesat dan syariatnya batal atau *fasid*. Bahaya penggunaan nas yang tidak *sahih* atau Hadis palsu oleh kalangan ‘bijakpandai’, guru-guru agama sehingga ahli akademik akan menambah kegawatan dan kekeliruan dalam kalangan orang awam lebih-lebih lagi kepada mereka yang tidak mempunyai asas dalam ilmu agama atau di kalangan mereka yang tidak mantap ilmu agamanya. Pendedahan ilmu Hadis yang *sahih* kepada umat Islam, khusus dalam kalangan orang-orang Melayu adalah amat penting bagi





menjaga agama Islam terutama sumber kedua ajaran Islam, iaitu al-Sunnah atau Hadis<sup>53</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang kepentingan merujuk kepada al-Sunnah atau Hadis yang *sahih* adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan *nas* Hadis untuk kepentingan diri ataupun bagi tujuan untuk menjatuhkan martabat Islam.

1.8.4.2 Faisal (2016), “Penyebaran Hadis Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran”<sup>54</sup>, pensyarah kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



Hasil dapatan pengkaji merumuskan bahawa, “Penyebaran hadis palsu adalah berpuncak daripada sikap masyarakat sendiri yang bersikap gopoh dalam berkongsi hadis-hadis Nabi SAW tanpa bertanyakan statusnya terlebih dahulu. Sikap ilmuwan yang bergantung kepada hadis-hadis dalam kitab Ihya’ ‘Ulumuddin, kitab-kitab jawi yang belum ditahqiq juga menjadi faktor penyebaran hadis-hadis palsu ini.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang penyebaran hadis palsu adalah berpuncak daripada sikap masyarakat sendiri yang bersikap gopoh dalam berkongsi hadis-hadis Nabi tanpa bertanyakan statusnya terlebih dahulu.

<sup>53</sup>Jawiah Dakir, 2009, Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis, Hlm.120.

<sup>54</sup>Faisal, 2016, “Penyebaran Hadis Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran, pensyarah kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Hlm.15.





1.8.4.3 Mohd Farhan (2016)<sup>55</sup>, “Hadis Mawdhu’: Merungkai Kontradiksi antara Masyarakat dan Ulama Ke Arah Kesepakatan Bersama”, Jabatan al-Quran dan al-Hadis Universiti Malaya. Kajian ini mendedahkan bahawa “Segelintir umat Islam yang tidak bertanggungjawab tanpa rasa bersalah telah menodai khazanah Islam dengan rekaan hadis *mawdhu’* (palsu) atas nama Nabi Muhammad SAW. Hal ini seterusnya menjadi kepercayaan batil yang sebatи dalam masyarakat Islam dan Malaysia khasnya. Malah kemasukan unsur *fasad* ke dalam masyarakat melalui penyebaran hadis *mawdhu’* amat mendukacitakan.”



**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang segelintir umat Islam yang tidak bertanggungjawab tanpa rasa bersalah telah menodai khazanah Islam dengan rekaan hadis *mawdhu’* (palsu) atas nama Nabi Muhammad SAW malah kemasukan unsur *fasad* ke dalam masyarakat melalui penyebaran hadis *mawdhu’* amat mendukacitakan.

1.8.4.4 Mohd. Muhibin (2010), Pengajian Hadis Seperti Kuliah Syarahan Kitab Hadis Turut Diajarkan Dikebanyakkan Masjid Dan Surau Sekitar Selangor<sup>56</sup>. Menurut beliau bahawa “kitab-kitab yang membincangkan tentang ilmu *musthalah al-Hadis* teramat jarang

<sup>55</sup>Mohd Farhan, 2016, “Hadis Mawdu’: Merungkai Kontradiksi antara Masyarakat dan Ulama Ke Arah Kesepakatan Bersama”, Jabatan al-Quran dan al-Hadis Universiti Malaya, Hlm.18.

<sup>56</sup>Mohd. Muhibin, 2010, Pengajian Hadis Seperti Kuliah Syarahan Kitab Hadis Turut Diajarkan Dikebanyakkan Masjid Dan Surau Sekitar Selangor, Hlm. 21.





diajarkan di masjid atau surau sekitar Selangor. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan masyarakat beranggapan ilmu *musthalah al-Hadis* kurang penting. Padahal, ilmu *musthalah al-Hadis* merupakan tunjang utama untuk memahami ilmu *riwayah* dan *dirayah* dalam pengajian hadis.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang kitab-kitab yang membincangkan tentang ilmu *musthalah al-Hadis* teramat jarang diajarkan di masjid atau surau sekitar Selangor. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan masyarakat beranggapan ilmu *musthalah al-Hadis* kurang penting.



### 1.8.5 Kajian Hadis Tentang Israk dan Mikraj

1.8.5.1 Mohd Fariz bin Abdul Aziz (2015)<sup>57</sup>, Analisa Hadis Israk Mikraj Riwayat Anas Bin Malik R.A Di Dalam Sahih Bukhari menyatakan, “Bahawa kajian ini menyingkap beberapa perkara yang menjadi persoalan dan dianggap bertentangan dengan al-Quran dan riwayat hadis yang lain. Beberapa pandangan ulama’ seperti Ibn Qayyim al-Jauziyah (Zad al-Ma’ad fi Hadi Khair al-Ibad), al-Mubarakfuri (al-Rahiq al-Makhtum) dan Abu Bakar al-Shairafi yang menukilkan daripada Muhammad bin Idris al-Shafi’ie (Imam Shafi’ie)

<sup>57</sup>Mohd Fariz bin Abdul Aziz,2015,Analisa Hadith Isra’ Mikraj Riwayat Anas Bin Malik R.A Di Dalam Sahih Bukhari, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu, Hlm. 1.





dikemukakan bagi menjawab kekhilafan (perbezaan pandangan) yang berlaku dan pandangan *tawafuq* (penyatuan) yang diterima pakai. Pemurnian terhadap kefahaman dan kesahihan peristiwa Israk dan Mikraj perlu dijelaskan daripada sebarang unsur-unsur negatif dan salah faham<sup>58</sup>. ”

**Dapatkan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang pemurnian terhadap kefahaman dan kesahihan peristiwa Israk dan Mikraj perlu dijelaskan daripada sebarang unsur-unsur negatif dan salah faham.

#### 1.8.5.2 Zainudin Hashim (2008)<sup>59</sup>, Konsep Agama: Ambil Pengajaran

Israk dan Mikraj memetik kata-kata Syeikh Prof Dr Yusuf al-Qaradawi<sup>60</sup> yang berpendapat bahawa, “Riwayat mengenai peristiwa Israk dan Mikraj terdapat banyak pembohongan dan riwayat palsu yang boleh menggugat kedudukan iman Muslim, kerana peristiwa tersebut tidak berlaku pada bulan Rejab berdasarkan penjelasan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, di mana ia tidak berlaku pada malam 27 Rejab kerana ia tidak disokong dengan hadis-hadis sahih atau pun kata-kata sahabat yang sahih<sup>61</sup>. ”

<sup>58</sup>Salah faham tentang perbezaan tiga hadith berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA. Hadis tersebut ialah daripada Abu Dzar RA, Qatadah RA dan Thabit al-Bunani RA. Terdapat beberapa perbezaan dari segi matan hadith yang mungkin mendatangkan kekeliruan dalam masyarakat terhadap kefahaman cerita mukjizat Rasulullah SAW ini.

<sup>59</sup>Zainudin Hashim. 2008. Konsep Agama: Ambil Pengajaran Israk dan Mikraj. <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2008/7/15977/konsep-agama-ambil-pengajaran-israk-dan-mikraj-.html>, Julai 2.

<sup>60</sup>Yusuf al-Qaradawi, Puasa Pada 27 Rejab, Soal Jawab Dalam Islamonline.net, Ogos 17, 2006.

<sup>61</sup>Op.cit.





**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa jurnal ini mendedahkan tentang riwayat mengenai peristiwa Israk dan Mikraj terdapat banyak pembohongan dan riwayat palsu yang boleh menggugat kedudukan iman Muslim kerana ia tidak disokong dengan hadis-hadis sahih atau pun kata-kata sahabat yang sahih.

1.8.5.3 Maulana Asri Yusof, (2008), Kepalsuan Kisah Israk Mikraj Dari Rumah Ummu Hani'. Beliau menyatakan bahawa "kisah Israk dan Mikraj yang berlaku kepada Rasulullah SAW bermula dari rumah Ummu Hani adalah begitu popular di kalangan masyarakat dan diutarakan dalam pelbagai bentuk yang menarik terutamanya pada musim Israk dan Mikraj. Kisah ini diterima bulat-bulat tanpa dipersoalkan dan diperiksa kecacatannya oleh kerana ia telah dimasukkan ke dalam sukan-sukatan mata pelajaran Agama Islam termasuklah sukan yang disediakan oleh Universiti al-Azhar. (Sila rujuk buku sukan pelajaran "*Muthala'ah*" yang diterbitkan oleh Universiti al-Azhar untuk peringkat menengahnya). Setelah merosot dalam segala-galanya dan berada dalam keadaan tenat, umat Islam disuapkan pula dengan ubat-ubat beracun berupa cerita-cerita yang karut marut seperti ini. Apa agaknya yang akan terjadi kepada ummah ini jika keadaan ini dibiarkan terus merebak?<sup>62</sup>"

<sup>62</sup>Maulana Asri Yusof (2017), Kepalsuan Kisah Israk dan Mikraj Dari Rumah Ummu Hani'. Retrieved Februari 8, 2017, <http://www.darulkautsar.net/darulkautsar-net/pemurnian-sejarah/zaman-rasulullah/kepalsuan-kisah-isra-miraj-dari-rumah-ummu-hani.html>





**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa penceramah mendedahkan tentang kisah Israk dan Mikraj yang berlaku kepada Rasulullah SAW bermula dari rumah Ummu Hani adalah begitu popular di kalangan masyarakat dan diutarakan dalam pelbagai bentuk yang menarik terutamanya pada musim Israk dan Mikraj. Kisah ini diterima bulat-bulat tanpa dipersoalkan dan diperiksa kecacatannya oleh kerana ia telah dimasukkan ke dalam sukatan-sukatan mata pelajaran Agama Islam termasuklah sukatan yang disediakan oleh Universiti al-Azhar.

1.8.5.4 Syihabudin Ahmad (2014), Israk dan Mikraj: Antara Ketulenan Wahyu & Cerita Yang 'Sengaja' Ditambah. Beliau menyatakan

bahawa, "Peristiwa Israk dan Mikraj adalah sebuah cerita yang benar lagi sahih. Peristiwa yang menunjukkan bukti kenabian Nabi Muhammad SAW. Ia dikuatkan dengan ayat al-Quran dan hadis sahih dalam darjat yang tertinggi. Tiada seorangpun Muslim yang mengingkari peristiwa itu kerana ia adalah ujian dalam menentukan pendirian umat Islam. Siapa yang tidak percaya, maka dia telah menjadi kafir. Sebahagian orang ada mengatakan bahawa Israk disebut di dalam al-Quran, namun Mikraj hanya disebutkan dalam hadis. Maka penulisan ini akan berusaha menunjukkan bukti salah faham itu. Apa yang lebih mendukacitakan apabila wujudnya para penceramah dan *qussas* (tukang cerita) yang sengaja menambah-nambah cerita yang





sebenarnya tidak ada di dalam kisah Israk dan Mikraj, sehingga mencacatkan kisah ini dari sudut akademik<sup>63</sup>.”

**Dapatan Kajian:** Kajian mendapati bahawa penulis mendedahkan tentang sebahagian orang ada mengatakan bahawa Israk disebut di dalam al-Quran, namun Mikraj hanya disebutkan dalam hadis. Daripada sembilan buah hadis yang penulis bawakan hanya dua hadis sahaja yang berstatus sahih manakala baki tujuh buah hadis berstatus palsu. Lebih mendukacitakan apabila wujudnya para penceramah dan *qussas* (tukang cerita) yang sengaja menambah-nambah cerita yang sebenarnya tidak ada di dalam kisah Israk dan Mikraj sehingga mencacatkan kisah ini dari sudut akademik.



## 1.9 Metodologi Kajian

Metodologi merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Ahmad Mahdzan Ayob (1993)<sup>64</sup> menetapkan kaedah kajian sebagai segala langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains.

<sup>63</sup>Syihabudin Ahmad,2014, Israk & Mikraj: Antara Ketulenan Wahyu & Cerita Yang 'Sengaja' Ditambah, Retrieved Wednesday, May 28, 2014, <http://www.ustazusa.com/2014/05/israk-mikraj-antara-ketulenan-wahyu.html>.

<sup>64</sup>Ahmad Mahdzan Ayob, 1993, Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka-Kuala Lumpur, Hlm.44.





Secara umum, kajian ini menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian lapangan (*field research*) dan kajian perpustakaan (*library research*). Gabungan kedua-dua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua-dua elemen tersebut.

Berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, pengkaji lebih memfokuskan pendekatan kaedah kajian ini kepada pendekatan kaedah yang bersifat kualitatif sebagai salah satu cara untuk memperolehi data segar mengenai penggunaan dalil hadis dalam kalangan penceramah di negeri Melaka dalam penyampaian ceramah berkaitan Israk dan Mikraj.



Rekabentuk kajian adalah bersifat fleksibel, boleh diubahsuai mengikut keadaan dan keperluan situasi. Dalam kajian yang bertajuk: Analisis Hadis-Hadis Dalam Ceramah Israk dan Mikraj Di Institusi Masjid Negeri Melaka, pemilihan rekabentuk kajian fenomenologi yang pengkaji gunakan akan memfokuskan kepada penggunaan dalil hadis yang pelbagai khususnya yang diragui kesahihannya yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj dan riwayat-riwayat yang popular yang menjadi isi ceramah.





### 1.9.2 Skop Dan Limitasi Kajian

Limitasi kajian bermaksud batasan/had kajian. Ia bertujuan untuk memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian yang dijalankan dengan skop atau batasan yang lebih kecil, tetapi bersifat *in-depth* (mendalam). Kajian ini dibataskan kepada perkara-perkara berikut:

1.9.2.1 Program-program ceramah Israk dan Mikraj di negeri Melaka.

1.9.2.2 Dengan menggunakan kaedah strategi dan teknik persampelan rawak berstrata tidak mengikut kadar, kajian ini ditumpukan kepada

05-4506832 pusta dua belas 12 buah masjid dalam tiga daerah daripada 194 buah masjid bupsi di negeri Melaka.

1.9.2.3 Semua masjid yang terpilih sebagai sampel kajian adalah dari masjid-masjid kerajaan dibawah seliaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

### 1.9.3 Sampel

Sampel ialah suatu proses pemilihan objek-objek penyelidikan yang mewakili sesuatu kumpulan besar yang dipilih<sup>65</sup>. Sampel kajian boleh

---

<sup>65</sup>Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.114.





terdiri daripada benda, insitusi, tempat, manusia, fenomena, tingkah laku dan seumpamanya.

Oleh itu kajian akan mengkaji masjid-masjid di seluruh negeri Melaka yang mengadakan ceramah Israk dan Mikraj, sampel yang terlibat adalah responden (penceramah) dalam kalangan guru takmir atau penceramah tempatan atau penceramah jemputan sama ada dari dalam atau luar Melaka.

Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), persampelan merupakan satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat



Syed Arabi Idid (1992) turut menyatakan, persampelan merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi<sup>66</sup>. Menurut Gordon F. Fielding (1974) dalam bukunya *Geography as Social Science*, beliau menyatakan bahawa; *the unbiased selection of the test population is called sampling*<sup>68</sup>.

<sup>66</sup>Mohd Sheffie Abu Bakar, 1991, Metodologi Penyelidikan: Untuk Ekonomi Dan Bidang-Bidang Berkaitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Publisher: Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Hlm.76.

<sup>67</sup>Syed Arabi Idid, 1992, Specifying a target population: the case of the Malaysian public relations practitioners. Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication, 8.pp.131-140. ISSN 0128-1496, Hlm.7.

<sup>68</sup>Gordon F. Fielding, 1974, *Geography as Social Science*, Harper & Row, Hlm.133.





#### 1.9.4 Populasi

Menurut Noraini Idris (2010)<sup>69</sup>, “populasi bermaksud kumpulan yang menarik perhatian penyelidik yang membolehkan penyelidik membuat generalisasi melalui daptannya.” Pendapat ini disokong oleh Mohd Majid Konting (1993) <sup>70</sup> dan Parmjit, Chan dan Gurnam (2015)<sup>71</sup>. Pengkaji akan memilih masjid-masjid mengikut kategori seperti masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan dan masjid kariah.

Dari segi pemilihan jenis populasi pula pengkaji akan menggunakan kaedah populasi capaian berbanding populasi sasaran.

Kaedah populasi capaian yang akan dijalankan ialah pengkaji akan



pustaka.upsi.edu.my

menggunakan sampel daripada masjid terpilih sahaja. Sampel yang akan dipilih ialah 12 buah masjid yang terdiri daripada masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan (yang memiliki nilai sejarah) dan masjid kariah (kampung) dalam negeri Melaka.

Ringkasnya, persampelan melibatkan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian. Kaedah ini biasa digunakan oleh penyelidik tidak kira sains tulen atau sains sosial dalam penyelidikan mereka.

<sup>69</sup>Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.115.

<sup>70</sup>Mohd Majid Konting (1993), Kaedah Penyelidikan Pendidikan, (2<sup>nd</sup> ed), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm.132.

<sup>71</sup> Parmjit Singh, Chan Yuen Fook dan Gurnam Kaur Sidhu (2015), A Comprehensive Guide To Writing A Research Proposal, Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, Selangor, Hlm.121.





### 1.9.5 Pemilihan Persampelan Rawak Berlapis (Sampel Rawak Tidak Mengikut Kadar)

Pengkaji menjalankan proses pemilihan masjid menggunakan strategi persampelan kebarangkalian yang mana di bawah kumpulan persampelan ini terdapat persampelan rawak berstrata tidak mengikut kadar (*disproportionate stratified random sampling*). Ini kerana pengkaji akan membuat *strata* (peringkat taraf dalam susunan atau hierarki tertentu) terhadap populasi mengikut peratusan kemudiannya memilih secara rawak berdasarkan peratusan yang dikehendaki.

Jenis sampel ini amat sesuai digunakan bagi kajian yang



(DUN), daerah dan jenis masjid atau pemilihan sampel berdasarkan beberapa kategori. Jika penggunaan teknik persampelan rawak berstrata mengikut kadar dijalankan mungkin akan menyebabkan bilangan ahli sesuatu *strata* tertentu tidak mencukupi dalam sampel.

Bagi mengelakkan kemungkinan akan berlaku situasi sebegini maka ia menuntut pengkaji supaya persampelan rawak tidak mengikut kadar digunakan. Teknik ini secara tidak langsung dapat memastikan bilangan masjid yang terpilih daripada subkumpulan seperti masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan dan masjid kariah adalah mencukupi.





Pengkaji telah mengenalpasti sebanyak 194 buah masjid di seluruh negeri Melaka sebagai populasi sasaran kajian. Daripada 194 buah masjid itu terdapat sebanyak tujuh buah masjid kerajaan, empat buah masjid institusi, 56 buah masjid warisan dan 127 buah masjid kariah di seluruh negeri Melaka.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat 127 buah masjid kariah (66%) yang mana didalamnya terdapat 56 buah masjid warisan (28%), tujuh buah masjid kerajaan (4%) dan empat buah masjid institusi (2%) dalam populasi tersebut. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan sampel yang mewakili 25% populasi itu.

Maka, dengan menggunakan senarai masjid mengikut jenis masjid



pengkaji telah memilih secara rawak 25% hingga 50% daripada setiap subkumpulan.

Jadual 1.1. *Kategori Masjid-Masjid Di Negeri Melaka*

| Bil. | Kategori Masjid  | Bilangan Masjid | Peratus     | Masjid Sampel  |
|------|------------------|-----------------|-------------|----------------|
| 1    | Masjid Kerajaan  | 7               | 4%          | 1              |
| 2    | Masjid Institusi | 4               | 2%          | 1              |
| 3    | Masjid Kariah    | 127             | 66%         | 7              |
| 4    | Masjid Warisan   | 56              | 28%         | 3              |
|      | <b>Jumlah</b>    | <b>194</b>      | <b>100%</b> | <b>12 buah</b> |




Teknik ini digunakan bertujuan untuk memastikan nisbah antara masjid mengikut kategori setiap masjid iaitu masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan dan masjid kariah.

### 1.9.6 Carta Sampel Masjid-Masjid Yang Dipilih Secara Rawak Berlapis

#### (Sampel Rawak Tidak Mengikut Kadar)

Rajah 1.1. *Bilangan Masjid-Masjid Yang Dijadikan Sampel*





## 1.10 Metod Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, metod pengumpulan data yang akan digunakan pengkaji terbahagi kepada dua iaitu:

### 1.10.1 Kaedah Lapangan

Dalam kajian kualitatif, pengkaji berperanan sebagai instrumen kerana ia berhubung dengan orang atau subjek yang dikaji. Kaedah ini menekankan peranan utama pengkaji yang turun padang untuk membuat pemerhatian *in site* terhadap fenomena yang ingin dikaji<sup>72</sup>. Ia dilakukan untuk mendapatkan orang, persekitaran, lokasi dan institusi

pendapat serta mengumpul data yang secukupnya dari persekitaran semula jadi<sup>73</sup>. Teknik yang lazim digunakan untuk mendapatkan maklumat di lapangan adalah dengan memerhati, menemuduga, menerusi soal selidik sebagai alat dan ‘penceramah’ dijadikan sampel kajian bagi mencapai matlamat tertentu<sup>74</sup>.

Dalam kajian ini, pengkaji merupakan instrumen utama dalam mendapatkan data berkaitan dalil-dalil hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj. Sebagai instrumen, pengkaji terlibat dalam

<sup>72</sup> Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.293.

<sup>73</sup>Ibid. Hlm.283.

<sup>74</sup>Shaharudin Ahmad, Statistik Lanjutan: Untuk Geografi dan Bidang Berkaitan (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), Hlm.37.





membuat keputusan sebanyak mungkin dalam penglibatannya di lapangan. Segala maklumat yang berbentuk hebahan, perkongsian, aktiviti ceramah daripada informan atau subjek di lokasi kajian. Sebelum melakukan kajian sebenar di lapangan, *rappo* di antara penulis dan informan adalah penting dalam kajian berbentuk kualitatif. *Rappo* memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang secukupnya dan membolehkan responden memberikan pelbagai maklumat personel atau berkomunikasi dalam keadaan biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi dengan kehadiran penyelidik.<sup>75</sup>

Sehubungan itu, pengkaji akan mengadakan beberapa kali pertemuan dengan pegawai bahagian Pengurusan Masjid dan

Pengajian ny Takmir, Ustaz Mohamad Khairul Zaki bin Misbah. Pembinaan hubungan ini membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran secara umum berkaitan latar belakang penceramah dan isu yang sedang dikaji sekarang ini. Pembinaan hubungan tersebut tidak terhad pada pertemuan sahaja, bahkan pengkaji juga akan berhubungan dengan informan utama melalui telefon dan laman sosial. Input awal ini membolehkan pengkaji memahami sepenuhnya persoalan sebelum turun di lapangan sebenar.

Sebagai instrumen utama kajian, pengkaji akan menggunakan dua kaedah dalam mengumpul data di lapangan sebenar. Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

<sup>75</sup> Abdul Sukor Shaari et al., ‘Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Mengapai Literasi Bahasa Melayu,’ Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1 (November 2011), Hlm.62.





### 1.10.2 Pemerhatian Ikut Serta

Pemerhatian ikut serta (*participant observation*) ialah kaedah dalam mengumpul data tentang tingkah laku *non-verbal*. Kebiasaannya pemerhatian melibatkan pandangan atau pengumpulan data melalui pancaindera-pancaindera seperti penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Bailey menjelaskan bahawa pengkaji mestilah menjadi pengikut serta tetap dalam aktiviti-aktiviti yang sedang diperhatikan dan tidak diketahui oleh peserta lain.<sup>76</sup> Pemerhatian secara ikut serta membolehkan pengkaji merekodkan perlakuan yang sedang berlaku. Melihat sesuatu perkara atau peristiwa secara langsung dan menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhatikan.<sup>77</sup>



Bagi tujuan tersebut, pengkaji akan melibatkan diri dalam ceramah-ceramah Israk dan Mikraj di masjid-masjid yang akan dipilih. Pengkaji akan hadir dan mendengar sendiri ceramah-ceramah Israk dan Mikraj, membuat pemerhatian, mendengar, menyoal dan membuat rakaman mengenai dalil-dalil hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj tersebut. Keadaan ini akan memberi gambaran sebenar atau realiti dengan apa yang berlaku dalam konteks kajian. Pengkaji akan turut membuat catatan, mengambil gambar dan merekod bahan-bahan audio yang berkenaan dengan perkara-perkara semasa

<sup>76</sup> Bailey, Kenneth D, Kaedah Penyelidikan Sosial (terjemahan Hashim Awang), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, Hlm.109.

<sup>77</sup>Ibid, Hlm.110.





pemerhatian seperti kehadiran pendengar, latar belakang penceramah, isi ceramah dan sebagainya. Segala pemerhatian ke atas aktiviti ceramah akan dicatat dan disimpan dengan baik untuk peringkat analisis.

### 1.10.3 Temu bual

Temu bual adalah salah satu kaedah mengumpul data lapangan yang biasa digunakan dalam sains sosial. Data dikumpul melalui interaksi secara bersemuka (*face to face encounter*)<sup>78</sup> antara penemu bual dan responden. Ia melibatkan jawapan daripada responden melalui persoalan-persoalan yang spesifik berdasarkan tujuan kajian.<sup>79</sup>



Temu bual sebagai satu kaedah yang membolehkan penyelidik mengakses persepsi, pemahaman yang dibina oleh responden, takrifan responden terhadap sesuatu isu dan konstruk realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami responden.<sup>80</sup>

Bagi tujuan tersebut pengkaji akan menemubual beberapa orang informan lain yang dipilih berdasarkan kaedah *purposive*<sup>81</sup> dan

<sup>78</sup> Babbie, Earl, *The Basics of Social Research* (United States of America: Thomson Wadsworth, 2007), Hlm. 291.

<sup>79</sup> M. Puvenesvary, ‘Interviews,’ dalam Qualitatutes Research: Data Collection & Data Analysis Technique, ed., M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim et al. (Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2011), Hlm.19.

<sup>80</sup>Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.317.

<sup>81</sup> Pemilihan responden dilakukan secara bertujuan dengan melibatkan pertimbangan dan relevan dalam tujuan khusus kajian dilakukan. Lihat Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.121.





*relevan* dalam meningkatkan kesahan dan kredibiliti data supaya selari dengan realiti. Kriteria informan-informan adalah seperti berikut:

1.10.3.1 Penceramah yang terlibat dalam ceramah Israk Mikraj.

Iaitu mereka yang dijemput untuk berceramah sama ada dari dalam atau luar negeri Melaka dan mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan dan bidang. Mereka dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj.

1.10.3.2 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa masjid.

Iaitu mereka yang berkhidmat di masjid-masjid yang



Pengkaji juga akan menemubual 30 orang informan terdiri daripada penceramah dan Ahli Jawatankuasa masjid yang biasa terlibat dengan ceramah Israk dan Mikraj. Proseder temu bual yang telah digunakan pengkaji adalah berbentuk separa berstruktur. Temu bual secara tidak berstruktur ialah pertanyaan secara spontan dan penemu bual serta orang yang ditemu bual mempunyai ruang kebebasan dalam mendapat maklumat kajian. Ianya lebih dikenali sebagai temu bual tidak formal.<sup>82</sup>

---

<sup>82</sup> Wimmer, Roger D. & Dominick, Joseph R, Mass Media Research (United States of America : International Thomson Publishing, 1994, Hlm.128.





Kaedah tersebut membolehkan pengkaji menemu bual informan kajian dengan lebih fleksibel yang membolehkan mereka menghuraikan tentang apa yang difikirkannya bersesuaian dengan kehendak penulis. Dengan itu, proses temubual dijalankan dengan soalan yang hendak diajukan telah digubal terlebih dahulu. Namun urutan soalan berubah-ubah dan bentuk soalan berubah-ubah bergantung kepada tindak balas yang diberi oleh informan kajian.

Antara kandungan temu bual yang menjadi panduan pengkaji dalam sesi temu bual dengan informan-informan adalah seperti berikut:

1.10.3.2.1 Latar belakang responden utama dari sudut tahap

pendidikan, kerjaya, pengalaman dakwah dan soalan-soalan

kecil yang mengikuti persoalan utama kajian.

1.10.3.2.2 Kitab rujukan responden sebelum, menyampaikan ceramah

Israk dan Mikraj.

1.10.3.2.3 Dalil-dalil hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan

Mikraj.





#### 1.10.4 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan digunakan untuk membina kerangka teori kajian.

Kaedah ini penting untuk mendapatkan maklumat asas sesuatu kajian yang akan dijalankan di samping melengkapkan pelbagai maklumat terutamanya dalam proses penulisan hasil kajian. Sebahagian daripada data ini juga boleh dijadikan sebagai bahan utama dalam penyelidikan sekiranya data yang diperolehi itu dilakukan dengan memenuhi *standard* penyelidikan.<sup>83</sup> Kaedah perpustakaan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan sama ada boleh diterima atau sebaliknya.<sup>84</sup>



membina kerangka teori berkaitan dalil-dalil hadis yang digunakan ketika penyampaian ceramah Israk dan Mikraj. Pengkaji akan merujuk al-Quran dan al-Sunnah, kitab-kitab, hasil kajian, tulisan buku, jurnal, jurnal atas talian (*online jurnal*) dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut akan diproses di beberapa buah perpustakaan tempatan seperti mana berikut:

##### 1.10.4.1 Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan

Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

##### 1.10.4.2 Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

<sup>83</sup>Shaharudin Ahmad, 2006, Statistik Lanjutan: Untuk Geografi dan Bidang Berkaitan (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia), Hlm.42.

<sup>84</sup>Kackson, Sherri L, 2003, Research Methods and Statistics, A Critical Thinking Approach (USA: Wadsworth/Thinking Learning), Hlm.27.





1.10.4.3 Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

1.10.4.4 Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

1.10.4.5 Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

1.10.4.6 Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Selangor.

1.10.4.7 Perpustakaan Al-Ghazali, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kuala Sungai Baru, Melaka.

1.10.4.8 Perpustakaan Imam Al-Syafi'i, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor.

1.10.4.9 Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia



Data-data yang diperolehi daripada perpustakaan tersebut akan disusun dengan baik berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan. Data tersebut akan dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif berkenaan dalil-dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj.

### 1.10.5 Kaedah Menganalisis Data

Analisis dapatan kajian adalah proses mempamerkan data dan mentafsirkan data yang diperolehi daripada sampel kajian. Data dipamerkan dengan meringkaskan data dan digambarkan melalui pelbagai bentuk berdasarkan tujuan kajian yang telah digariskan. Dalam kajian ini, data-data yang





diperolehi pengkaji dianalisis berdasarkan tema-tema yang dibentuk dengan kaedah-kaedah seperti berikut:

#### 1.10.5.1      **Analisis Induktif**

Kaedah induktif adalah teras saintifik yang akan melibatkan aktiviti membuat pemerhatian dan membuat rumusan selepas pemerhatian.<sup>85</sup> Sumber pengetahuan yang diperolehi daripada kaedah induktif ialah memberikan kesimpulan umum tentang objek kajian berdasarkan pemerhatian ke atas fakta-fakta sampel.<sup>86</sup> Ini menunjukkan analisis induktif merumuskan fakta melalui pemerhatian yang terbentuk universal berdasarkan penyataan-penyataan khusus.



Secara umumnya, dalam kajian ini, analisis induktif dilakukan pengkaji berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi melalui kaedah observasi terhadap ceramah Israk dan Mikraj berkaitan penggunaan dalil-dalil hadis yang digunakan. Data pemerhatian yang dirumus akan digunakan untuk menghuraikan sesuatu fakta yang bersifat khusus berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

---

<sup>85</sup>Noraini Idris, Penyelidikan Dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010), Hlm.462.

<sup>86</sup>Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2009), Hlm.123.





### 1.10.5.2      **Analisis Deduktif**

Dalam kajian kualitatif, analisis deduktif digunakan untuk membangunkan hipotesis berdasarkan teori ataupun dibangunkan sebagai suatu kajian untuk menguji hipotesis.<sup>87</sup> Proses ini dilakukan dengan membuat kesimpulan daripada maklumat umum kepada khusus. Ia adalah satu proses membuat kesimpulan dengan berfikir logik. Proses deduktif bermula dengan membuat pernyataan umum tentang sesuatu fenomena dan disusuli dengan pernyataan khusus tentang fenomena tersebut.<sup>88</sup> Gulati menjelaskan analisis deduktif dilakukan dengan pertimbangan daripada teori dan dikembangkan kepada bentuk hipotesis yang baru.



Kemudian, hipotesis tersebut diuji di lapangan dengan bentuk kajian yang direka sama ada ia boleh disahkan atau ditolak.<sup>89</sup> Ini menunjukkan bahawa analisis deduktif dilakukan dalam membuat rumusan secara khusus berdasarkan fakta-fakta umum yang diperolehi.

Rumusan yang dibina untuk melihat pertimbangan sama ada sesuatu teori dan hipotesis bertepatan atau sebaliknya. Secara umumnya, dalam kajian ini, pengkaji akan mendapatkan data kajian berdasarkan dua sumber iaitu secara lapangan dan perpustakaan. Data yang diperolehi melalui kaedah perpustakaan akan dikumpul dan diformulasikan untuk menjadi teori-teori

<sup>87</sup>Wilson, J., Essential of Bussiness Research: A Guide to Doing Your Research Project (United Kingdom: SAGE Publications, 2010), Hlm.7.

<sup>88</sup>Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2009), Hlm.108.

<sup>89</sup>Gulati, P.M, Research Management: Fundamental and Applied Research (New Delhi: Global India Publication, 2009), Hlm.42.





yang berkaitan dengan penggunaan dalil-dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj.

Data tersebut akan digunakan untuk membuat suatu kesimpulan sama ada ia menyokong atau menolak berdasarkan data-data yang diperolehi di lapangan. Manakala dalam menganalisa data mentah (*raw data*) yang diperolehi di lapangan pula, pengkaji akan merumus data tersebut bagi mendapatkan kesimpulan yang berkaitan dengan penggunaan dalil-dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj.

#### 1.10.5.3      **Analisis Kandungan**

Analisis kandungan adalah suatu kaedah menganalisis dan menginterpretasi data yang telah lama digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu.<sup>90</sup> Analisis kandungan (*content analysis*) bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku berpandukan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan fenomena tersebut.<sup>91</sup>

Secara umumnya, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap bahan-bahan dan kitab-kitab rujukan serta hadis-hadis yang berkaitan dengan Israk dan Mikraj yang menjadi isi kandungan utama dalam kajian.

<sup>90</sup>Hsiu, Fay Hsieh & Sarah E. Shannon, Three Approaches to Qualitative Content Analysis,' Qualitative Health Research Journal 15 (November, 2005), Hlm. 1277.

<sup>91</sup>Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2009), Hlm. 108.





#### 1.10.5.4      **Analisis Komperatif**

Analisis komperatif adalah pendekatan analisis secara perbandingan maklumat-maklumat yang diperolehi dari sumber data.<sup>92</sup> Proses ini dilakukan dengan menganalisis di atas perbandingan hasil-hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis perbandingan dengan data-data kajian yang pernah dijalankan sebelum ini. Kaedah ini penting bagi melihat sejauh mana kebersamaan dan keunikan yang menjadi kekuatan dalam mendapatkan hasil kajian tentang penggunaan dalil-dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj.

Dalam menganalisis hadis yang merupakan bahan analisis takhrij dan

analisis hukum hadis berpandukan kepada beberapa metode penilaian hadis yang akan digunakan seperti:

1.10.5.4.1 Turuq Takhrij Awal al-Matan yang menggunakan kitab al-Jam' al-Jawami' karangan Imam al-Sayuti, Al-Maqasid al-Hasanah oleh al-Sakhawi, Kasyf al-Khafa' oleh al-'Ajluni, Mawsu'ah Atraf al-Hadith oleh Muhammad al-Sa'id Basyuni Zaghlul dan sebagainya.

1.10.5.4.2 Turuq Takhrij An Tariq al-Kalimat al-Gharibah aw al-Muhimmah yang menggunakan kitab al-Mu'jam Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi

<sup>92</sup> Othman Lebar, Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod (Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), Hlm.154





karangan Arent Jan Wensick<sup>93</sup>, Kitab-kitab Al-Gharib dan Al-Ma’ajim dan Al-Faharis. Antara kitab-kitab yang menggunakan kaedah ini ialah Al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi yang disusun oleh beberapa orang orientalis dengan bantuan al-Syeikh Mustafa bin ‘Ali al-Bayumi dan al-Ustaz Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Gharib al-Hadith wa al-Athar oleh Abu ‘Ubayd al-Qasim bin Sallam, Gharib al-Hadith oleh al-Khattabi, Al-Murshid ila Ahadith Sunan al-Tirmizi oleh al-Ustaz Sidqi al-Bayk dan lain-lain.

1.10.5.4.3 Beberapa perisian seperti Barnamij Jawami' al-Kalim, al-Maktabah al-Shamilah versi 6.4. akan digunakan bagi membantu dan mempercepatkan pencarian analisis *takhrij* dan hukum hadis. Pandangan-pandangan ulama

akan dikemukakan bagi penilaian hukum dan status serta kedudukan hadis tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah *takhrij* berdasarkan *al-uslub al-Mukhtasar*<sup>94</sup>. Iaitu kaedah ringkas dalam kaedah *takhrij* dengan menyatakan sumber-sumber hadis yang diutamakan sumber yang sahih dengan menyatakan bab serta kitab dan bilangan hadis. Ini kerana sumber mentah hadis yang diperolehi dalam kajian ini dikenalpasti dinyatakan oleh penceramah dalam bahasa Melayu.

Berlaku kesukaran mengenalpasti untuk diterjemahkan kembali ke dalam bahasa Arab, kerana penceramah kebanyakannya menyatakan berdasarkan *mafhum*

<sup>93</sup> Prof Dr. Muhammad Abu al-Layth al-Khayr al-Abadi, 2014, *Takhrij al-Hadith Nash’atuhu wa Manhajiyatuhu*, Dar al-Syakir. Bangi, Hlm.62.

<sup>94</sup> Prof Dr. Muhammad Abu al-Layth al-Khayr al-Abadi, 2014, *Takhrij al-Hadith Nash’atuhu wa Manhajiyatuhu*. Dar al-Syakir. Bangi, Hlm.63.





hadis bukan berdasarkan terjemahan lafaz hadis secara tepat. Oleh yang demikian langkah mengenalpasti teks ucapan yang disandarkan kepada Nabi SAW telah diterjemahkan semula ke dalam teks bahasa Arab serta langkah mengenalpasti teks tersebut sebagai *matan* hadis dilakukan dengan mengenalpasti *matan* hadis yang sama dan paling hampir dengan ucapan asal penceramah. Setelah itu, teks hadis tersebut telah dikenalpasti dari aspek sumber berdasarkan kaedah-kaedah *takhrij* yang telah dinyatakan sebelum ini.

Setelah pengenalan sumber, pengkaji akan menganalisis hukum bagi status kedudukan hadis atau lebih dikenali dengan hukum hadis. Pengkaji akan menganalisis pandangan-pandangan tokoh-tokoh hadis berdasar kaedah ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang membawa pandangan-pandangan terhadap perawi-perawi yang terdapat dalam *sanad* hadis sekaligus penilaian status hukum dikenalpasti.



## 1.11 Kesimpulan

Kajian mengenai penggunaan dalil-dalil hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj amat penting untuk diterokai kerana ianya adalah sebagai salah satu langkah kearah pemetaan mesej Islam yang berkesan dan menyeluruh, khususnya dalam isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan dalil-dalil hadis dalam kehidupan umat Islam. Ini kerana kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu penceramah, masyarakat dan Jabatan Agama khususnya untuk mendapat maklumat asas mengenai ilmu hadis yang mana mereka dapat mengetahui kedudukan sesuatu hadis yang disampaikan oleh penceramah.

